



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



# BANCI 2024 PERTANIAN

## LAPORAN INTERIM GETAH





**KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**

**LAPORAN INTERIM  
BANCI PERTANIAN 2024**

**GETAH**

**Pemakluman**

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh *Open Data Watch (ODW)* dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Diterbitkan dan dicetak oleh:

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62514 Putrajaya,  
Malaysia

Tel. : 03-8885 7000  
Faks : 03-8888 9248  
Portal : <https://www.dosm.gov.my>  
Facebook/ X/ Instagram/ YouTube : StatsMalaysia  
E-mel : [info@dosm.gov.my](mailto:info@dosm.gov.my) (pertanyaan umum)  
[data@dosm.gov.my](mailto:data@dosm.gov.my) (pertanyaan & permintaan data)  
Harga : RM65.00

Diterbitkan pada Mei 2025

**Hakcipta terpelihara**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

**ISBN 978-967-253-931-5**

## **KATA PENGANTAR**

Laporan Interim Banci Pertanian 2024: Getah membentangkan parameter getah di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat profil pegangan pertanian meliputi individu dan pertubuhan serta penemuan parameter banci bagi tanaman getah.

Penyusunan parameter ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023.

Dalam menghasilkan profil dan parameter pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan & Komoditi, Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan ringkasan penemuan keseluruhan pengeluaran getah dan jadual parameter terperinci merangkumi keluasan bertanam, keluasan berhasil, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan & nilai jualan. Manakala, nota teknikal menerangkan konsep & definisi dan kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami parameter yang diterbitkan.

Semoga parameter dalam penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan parameter ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia

merangkap Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Mei 2025

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**


A photograph of a forest with many tall, thin trees. A person wearing a green cap and green clothing is visible on the right side, measuring the diameter of a tree trunk with a tool. The ground is covered with dry leaves and some green grass. A green banner with white text is overlaid on the image.

# BANCI PERTANIAN 2024

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

**BANCI PERTANIAN 2024**

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik bagi sepanjang tempoh pelaksanaan banci.



**Ahli Jawatankuasa Pemandu Banci**

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara  
 Pengerusi Ganti : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
 Jabatan Perkhidmatan Awam

**Ahli:**

- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Ketua Perangkawan Malaysia
- Setiausaha Kerajaan Negeri



Operasi Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Oktober 2024. Banci ini telah melalui proses transformasi dengan penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

*Outcome* Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan *reliable* digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *blueprint* pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu, TaniStats telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini menyokong pembangunan dasar yang berasaskan data (*data-driven policy*), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan. Halaman utama portal TaniStats ini merangkumi:

- a) Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats sebagai sistem bersepadu untuk statistik sektor pertanian;
- b) Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
- c) Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
- d) Peranan TaniStats dalam memperkukuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantai edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.

Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan ketersediaan data *baseline* yang kemaskini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkukuhkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan bagi sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

<b>Kata Pengantar</b>	<b>i</b>
<b>Banci Pertanian 2024</b>	<b>iii</b>
<b>Kandungan</b>	<b>vii</b>
<b>Ringkasan Penemuan</b>	<b>1</b>
<b>Jadual Statistik</b>	<b>43</b>
<b>Nota Teknikal</b>	<b>153</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>171</b>
<b>Lampiran</b>	<b>175</b>

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
Jadual 1.0 Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Negeri, Malaysia, 2023	45
Jadual 1.1 Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	46
Jadual 2.0 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	51
Jadual 2.1 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, 2023	52
Jadual 2.2 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	57
Jadual 2.3 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Malaysia, 2023	58
Jadual 2.4 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	63
Jadual 2.5 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	64
Jadual 2.6 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023	73
Jadual 2.7 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023	74
Jadual 2.8 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	83
Jadual 2.9 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	84
Jadual 2.10 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	93
Jadual 2.11 Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	96

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
Jadual 3.0	Parameter Utama bagi Tanaman Getah mengikut Negeri, Malaysia, 2023	123
Jadual 3.1	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Getah mengikut Negeri, Malaysia, 2023	124
Jadual 3.2	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, 2023	125
Jadual 3.3	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Getah mengikut Negeri, Malaysia, 2023	130
Jadual 3.4	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	131
Jadual 3.5	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Getah mengikut Negeri, Malaysia, 2023	136
Jadual 3.6	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	137
Jadual 3.7	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Getah mengikut Negeri, Malaysia, 2023	142
Jadual 3.8	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	143

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

A photograph of a rubber tree plantation. In the foreground, several tree trunks are visible, some with white measuring bands. A person wearing a green cap and uniform is partially visible on the right side, appearing to be working or inspecting the trees. A green banner with white text is overlaid on the middle of the image.



# RINGKASAN PENEMUAN

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

# PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN GETAH, MALAYSIA, 2023



## KEWARGANEGARAAN



Warganegara  
386,955



Bukan  
Warganegara  
169

## TARAF PERKAHWINAN

Tidak Pernah  
Berkahwin




Berkahwin



Balu/Duda



Bercerai/Berpisah



## KUMPULAN UMUR

15 - 30 Tahun



31 - 45 Tahun



46 - 59 Tahun



60 Tahun dan ke atas



## SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH


Tiada  
Sijil



Pendidikan  
Rendah



Pendidikan  
Menengah



Pendidikan  
Tertiari



## KUMPULAN ETNIK



**Bumiputera**  
**385,243**  
Orang



**Cina**  
**21,999**  
Orang



**India**  
**2,280**  
Orang



**Lain-Lain**  
**4,433**  
Orang

Sumber: Banci Pertanian, 2024



@StatsMalaysia







# PARAMETER UTAMA TANAMAN GETAH, MALAYSIA, 2023




## Pegangan Pertanian

Pegangan Pertanian	387,433	Individu	: 387,124
		Pertubuhan	: 309



## Keluasan Bertanam ('000 Hektar)

Pegangan Pertanian	717.3	Individu	: 604.0
		Pertubuhan	: 113.3



## Keluasan Bertuai ('000 Hektar)

Pegangan Pertanian	622.1	Individu	: 534.2
		Pertubuhan	: 87.9



## Kuantiti Pengeluaran ( '000 Tan Metrik)

Pegangan Pertanian	423.7	Individu	: 344.7
		Pertubuhan	: 79.1



## Kuantiti Jualan ( '000 Tan Metrik)

Pegangan Pertanian	423.7	Individu	: 344.7
		Pertubuhan	: 79.1



## Nilai Jualan (RM Juta)

Pegangan Pertanian	2,693.6	Individu	: 1,972.9
		Pertubuhan	: 720.7

Sumber: Banci Pertanian, 2024



# PENGELUAR GETAH ASLI DUNIA, 2023

'000 tan metrik



Sumber: Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)



## PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Penduduk (juta)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 <sup>p</sup>
<b>Malaysia</b>	<b>30.7</b>	<b>31.2</b>	<b>31.6</b>	<b>32.0</b>	<b>32.4</b>	<b>32.5</b>	<b>32.4</b>	<b>32.6</b>	<b>32.7</b>	<b>33.4</b>	<b>34.1</b>
Johor	3.6	3.6	3.7	3.7	3.7	3.8	4.0	4.0	4.0	4.1	4.2
Kedah	2.1	2.1	2.1	2.1	2.2	2.2	2.1	2.2	2.2	2.2	2.2
Kelantan	1.7	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9
Melaka	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
Negeri Sembilan	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2
Pahang	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7	1.7	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7
Perak	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.6
Perlis	0.2	0.2	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
Pulau Pinang	1.7	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8
Sabah	3.7	3.7	3.8	3.9	3.9	3.9	3.4	3.4	3.4	3.6	3.7
Sarawak	2.7	2.7	2.7	2.8	2.8	2.8	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
Selangor	6.1	6.2	6.3	6.4	6.5	6.5	7.0	7.1	7.0	7.2	7.4
Terengganu	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2
W.P. Kuala Lumpur	1.7	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8	2.0	2.0	2.0	2.0	2.1
W.P. Labuan	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

Negeri	Nisbah Jantina										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 <sup>p</sup>	2024 <sup>e</sup>
<b>Malaysia</b>	<b>107</b>	<b>108</b>	<b>108</b>	<b>108</b>	<b>108</b>	<b>108</b>	<b>110</b>	<b>109</b>	<b>109</b>	<b>110</b>	<b>111</b>
Johor	113	113	113	113	113	112	115	114	113	114	116
Kedah	103	103	103	103	103	103	104	104	104	104	104
Kelantan	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101
Melaka	104	105	105	106	106	107	111	111	110	111	113
Negeri Sembilan	109	109	109	109	109	109	108	108	107	108	108
Pahang	114	114	114	114	114	113	113	112	112	113	114
Perak	104	104	104	104	104	104	109	108	108	109	110
Perlis	98	98	99	99	99	99	100	100	100	100	99
Pulau Pinang	103	103	104	104	105	105	105	105	105	105	105
Sabah	110	110	110	110	110	110	109	109	109	109	109
Sarawak	108	109	109	109	109	109	107	107	107	107	107
Selangor	109	109	109	108	108	108	113	112	112	113	115
Terengganu	104	104	104	103	104	103	105	105	105	105	106
W.P. Kuala Lumpur	107	108	109	109	110	110	115	114	113	115	117
W.P. Labuan	105	105	105	105	105	105	106	105	105	105	105
W.P. Putrajaya	91	92	93	93	94	94	96	97	97	97	98

Negeri	Struktur Umur ('000)											
	2021			2022			2023			2024 <sup>e</sup>		
	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun
<b>Malaysia</b>	<b>7,684.8</b>	<b>22,601.3</b>	<b>2,290.2</b>	<b>7,579.7</b>	<b>22,754.7</b>	<b>2,363.7</b>	<b>7,569.2</b>	<b>23,347.4</b>	<b>2,485.2</b>	<b>7,554.2</b>	<b>23,894.3</b>	<b>2,610.2</b>
Johor	949.3	2,812.1	258.6	930.9	2,827.4	270.0	914.2	2,904.3	288.8	911.0	2,965.8	309.4
Kedah	536.5	1,436.0	179.1	533.5	1,444.6	185.0	535.0	1,461.5	192.8	534.0	1,482.1	201.4
Kelantan	538.9	1,153.6	119.8	539.0	1,168.9	122.7	536.6	1,195.5	127.7	534.3	1,221.3	132.9
Melaka	234.1	705.3	65.1	234.9	706.7	66.9	234.8	724.4	69.1	233.7	742.5	70.9
Negeri Sembilan	300.9	817.3	86.0	299.4	820.2	88.3	296.5	836.7	91.7	294.8	850.4	94.9
Pahang	418.3	1,079.2	104.0	411.4	1,096.0	106.9	405.8	1,127.3	110.1	398.6	1,156.5	113.1
Perak	573.9	1,707.7	234.2	564.8	1,710.0	239.7	554.1	1,740.0	247.2	545.2	1,769.9	254.5
Perlis	57.3	207.3	23.0	57.6	208.8	23.4	57.3	211.9	23.9	58.0	214.4	24.4
Pulau Pinang	342.9	1,274.5	122.6	336.7	1,275.8	128.5	337.4	1,299.2	136.1	336.7	1,319.7	144.0
Sabah	882.8	2,334.1	195.7	855.9	2,357.6	201.5	878.0	2,502.0	216.8	889.5	2,621.5	231.3
Sarawak	532.5	1,740.0	193.1	521.3	1,753.7	198.5	513.6	1,780.3	208.4	507.2	1,793.1	217.8
Selangor	1,531.6	4,978.7	504.5	1,516.7	5,008.8	524.9	1,532.2	5,119.9	557.6	1,540.8	5,229.0	593.5
Terengganu	333.7	770.0	67.0	336.8	781.1	68.7	340.2	798.1	71.8	343.5	813.8	74.8
W.P. Kuala Lumpur	382.9	1,449.7	131.4	371.6	1,457.0	132.6	364.6	1,504.5	136.6	359.1	1,568.7	139.7
W.P. Labuan	26.0	65.8	4.3	26.0	66.3	4.6	26.2	68.0	4.9	26.2	69.5	5.2
W.P. Putrajaya	43.3	70.3	1.7	43.4	71.8	1.9	42.9	73.9	2.1	41.8	76.2	2.3

**Nota:**

Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

## PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
<b>Malaysia</b>	<b>17.8</b>	<b>16.7</b>	<b>17.2</b>	<b>16.7</b>	<b>16.1</b>	<b>15.9</b>	<b>15.5</b>	<b>15.1</b>	<b>14.5</b>	<b>13.5</b>	<b>12.9</b>
Johor	17.5	16.5	17.0	16.8	16.3	16.5	16.3	16.0	14.2	12.4	12.0
Kedah	18.2	17.2	17.7	17.5	17.0	17.1	16.5	15.9	15.9	15.4	14.2
Kelantan	22.4	21.6	22.8	22.2	21.4	21.4	20.6	19.6	20.2	19.2	18.5
Melaka	16.9	16.0	16.7	16.4	16.0	15.8	15.6	15.2	13.9	13.1	13.0
Negeri Sembilan	16.9	16.3	17.3	16.9	16.4	16.2	16.2	15.5	14.3	13.9	13.2
Pahang	17.7	17.2	18.1	17.5	17.0	16.7	16.2	15.5	15.9	15.3	14.6
Perak	15.5	14.5	14.9	14.7	14.4	14.0	13.5	13.2	12.7	12.2	11.7
Perlis	17.3	16.7	18.4	17.4	17.5	17.6	17.2	16.0	14.4	14.2	12.9
Pulau Pinang	14.7	12.9	13.6	13.1	12.7	12.3	11.7	11.4	11.3	10.7	10.2
Sabah	16.9	15.7	15.6	14.7	13.7	13.6	13.6	13.6	14.5	12.2	12.8
Sarawak	16.8	15.3	15.4	14.7	13.9	13.6	13.1	13.1	14.4	12.7	12.5
Selangor	18.9	17.5	18.0	17.5	16.6	16.3	15.8	15.2	13.4	12.8	11.9
Terengganu	23.5	22.9	23.7	23.8	23.3	23.1	23.0	21.8	23.6	22.5	21.3
W.P. Kuala Lumpur	15.9	14.7	15.6	14.5	14.4	13.8	13.5	13.4	11.7	10.7	10.1
W.P. Labuan	19.6	19.1	19.9	20.5	18.1	17.3	17.1	16.9	18.0	15.9	14.2
W.P. Putrajaya	40.2	37.3	37.9	34.6	30.4	28.8	24.7	22.3	19.6	18.3	15.7

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
<b>Malaysia</b>	<b>4.7</b>	<b>4.7</b>	<b>4.9</b>	<b>5.0</b>	<b>5.1</b>	<b>5.3</b>	<b>5.3</b>	<b>5.4</b>	<b>5.1</b>	<b>6.9</b>	<b>6.3</b>
Johor	5.0	5.1	5.0	5.2	5.5	5.6	5.6	5.8	5.1	6.7	6.3
Kedah	6.1	6.1	6.3	6.5	6.5	6.7	6.7	6.6	6.4	8.6	8.1
Kelantan	6.0	6.0	6.1	6.1	6.0	6.1	6.1	6.1	6.1	7.7	7.3
Melaka	5.4	5.5	5.4	5.6	5.8	6.0	5.9	6.0	5.5	7.1	6.6
Negeri Sembilan	5.6	5.8	5.9	6.1	6.2	6.4	6.5	6.4	5.8	7.6	7.1
Pahang	5.0	5.2	5.2	5.3	5.5	5.6	5.6	5.5	5.5	6.5	6.8
Perak	6.8	6.7	6.9	7.0	7.2	7.2	7.4	7.5	7.2	8.5	8.9
Perlis	6.9	7.2	6.8	7.1	7.5	8.0	8.1	7.9	6.8	7.8	8.4
Pulau Pinang	5.6	5.7	5.8	6.0	6.2	6.2	6.4	6.2	6.1	8.0	7.4
Sabah	2.3	2.3	3.3	3.4	3.4	3.6	3.6	3.8	4.3	5.5	5.1
Sarawak	4.4	4.3	4.4	4.5	4.6	4.7	5.0	5.0	5.8	7.1	6.7
Selangor	3.7	3.7	3.7	3.9	4.1	4.2	4.2	4.3	3.6	6.0	4.7
Terengganu	5.6	5.8	5.7	5.8	5.8	5.8	5.8	5.9	5.9	7.2	7.3
W.P. Kuala Lumpur	4.1	4.2	4.4	4.3	4.5	4.6	4.7	5.0	4.2	6.8	5.1
W.P. Labuan	2.7	2.7	2.9	2.6	2.9	2.5	2.9	3.0	3.4	5.4	4.0
W.P. Putrajaya	1.8	2.1	2.4	2.3	1.9	2.6	2.2	2.0	1.9	2.3	2.2

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 <sup>p</sup>	2024 <sup>e</sup>
<b>Malaysia</b>	<b>74.5</b>	<b>74.6</b>	<b>74.4</b>	<b>74.4</b>	<b>74.6</b>	<b>74.8</b>	<b>74.7</b>	<b>74.0</b>	<b>73.8</b>	<b>74.0</b>	<b>75.2</b>
Johor	74.3	74.3	74.2	74.1	74.3	74.4	74.3	73.6	73.5	73.8	74.9
Kedah	73.1	73.1	72.9	73.0	73.1	73.4	73.1	72.2	71.7	71.7	73.0
Kelantan	71.9	72.0	72.0	72.2	72.4	72.6	72.2	71.6	71.4	71.8	73.2
Melaka	74.5	74.6	74.5	74.5	74.7	74.9	74.0	73.1	73.0	73.2	74.3
Negeri Sembilan	73.5	73.6	73.4	73.4	73.5	73.8	73.3	73.1	72.9	73.1	74.0
Pahang	73.1	73.2	73.3	73.4	73.6	73.9	72.9	72.6	72.4	72.3	73.1
Perak	74.0	74.0	74.0	73.9	74.0	74.2	73.7	73.3	73.0	72.9	73.8
Perlis	73.0	73.0	72.4	72.0	72.0	72.0	72.8	72.4	72.3	72.4	73.5
Pulau Pinang	74.8	74.8	74.8	74.9	75.2	75.5	74.2	73.7	73.5	73.7	74.7
Sabah	73.5	73.8	74.2	74.2	74.2	74.2	74.3	73.4	73.1	73.8	75.1
Sarawak	76.3	76.3	76.3	76.2	76.4	76.3	75.1	74.5	74.3	74.5	75.2
Selangor	75.1	75.1	75.1	75.1	75.4	75.7	77.4	76.4	76.2	76.5	78.0
Terengganu	71.3	71.4	71.6	71.8	72.1	72.2	71.7	71.3	71.0	71.1	72.2
W.P. Kuala Lumpur	76.1	76.2	76.6	76.5	76.7	76.9	76.4	75.1	75.1	75.3	76.2
W.P. Labuan	76.1	76.3	77.4	77.3	77.6	77.6	75.4	74.5	74.4	76.2	77.8
W.P. Putrajaya	71.7	72.1	72.3	72.2	73.3	73.8	74.5	74.6	74.2	74.0	74.5

**Nota:**

- i. - Tiada kes
- ii. Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## 1. PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama getah hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti getah untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti getah merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti penanaman getah dijalankan.

## 2. LATAR BELAKANG

Pokok getah (*Hevea brasiliensis*) ialah sejenis tumbuhan tropika yang tergolong dalam kategori tanaman jangka panjang. Di Malaysia, tanaman ini memainkan peranan yang signifikan dalam sektor pertanian dan merupakan antara penyumbang kepada ekonomi negara. Secara umumnya, pokok getah mempunyai jangka hayat pengeluaran hasil antara 30 hingga 40 tahun. Sepanjang tempoh tersebut, pokok getah akan meluruhkannya daunnya setiap satu hingga dua tahun dan menggantikannya dengan daun baharu. Biji getah yang telah matang akan meletup secara semula jadi, menggugurkan bijinya ke tanah sebelum bercambah menjadi anak pokok. Selain digunakan untuk pengeluaran susu getah (lateks), pokok getah kini turut diusahakan untuk tujuan komersial lain, terutamanya dalam industri pembuatan perabot. Batang pokok getah telah menjadi komoditi bernilai tinggi kerana kayunya yang menarik, tahan lama, dan sesuai digunakan dalam penghasilan perabot bermutu tinggi.

Pokok getah tergolong dalam famili *Euphorbiaceae* dan merupakan spesies yang paling penting dalam genus *Hevea*. Nilai ekonominya terletak pada hasil lateks yang dikumpulkan melalui salur lateks yang terdapat pada kulit pokok, khususnya di bahagian floem luar. Salur-salur ini berpusing mengikut arah lawan jam pada batang pokok dengan sudut kira-kira 30 darjah dari ufuk. Sebelum pengkomersilan *Hevea brasiliensis*, spesies lain seperti pokok getah Congo (*Landolphia owariensis*), yang turut dikenali sebagai "gumvine", merupakan antara spesies komersial utama. Namun begitu, spesies tersebut telah diketepikan secara beransur-ansur berikutan kemunculan dan penyebaran meluas spesies *Hevea brasiliensis* yang berasal dari Amazon, Brazil. Spesies inilah yang kemudiannya menjadi baka utama dalam industri pengeluaran getah asli di seluruh dunia dan menjadi asas penting dalam pelbagai usaha penyelidikan serta pemuliharaan baka sepanjang sejarah pembangunan industri getah.

3.0 PARAMETER TANAMAN GETAH

3.1 Profil Pegangan Pertanian

3.1.1 Malaysia

Bilangan pegangan pertanian tanaman getah pada 2023 merekodkan seramai 387,433 pegangan di mana bilangan yang terbesar iaitu mewakili 99.9 peratus atau 387,124 pegangan adalah pegangan pertanian individu. Hanya 0.1 peratus pegangan pertanian pertubuhan terlibat dalam tanaman getah.


Paparan 1: Profil Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



3.1.2 Negeri

Daripada 387,433 pegangan pertanian, taburan di peringkat negeri menunjukkan Sabah mencatatkan bilangan pegangan pertanian individu tertinggi iaitu seramai 81,237 orang atau 21.0 peratus. Ini diikuti Kelantan, 58,538 orang dan Kedah 58,275 orang dengan masing-masing mewakili 15.1 peratus. Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, Kedah merekodkan bilangan tertinggi iaitu 69 pertubuhan atau 22.9 peratus. Kedua tertinggi adalah Pahang 40 pertubuhan (12.9%) dan diikuti Johor 36 pertubuhan (11.7%).

Paparan 2: Profil Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.1.3 Daerah

Pasir Mas, Kelantan merekodkan bilangan pegangan pertanian individu tertinggi dengan jumlah 13,815 orang diikuti Sik, Kedah 11,303 orang dan Baling, Kedah 11,171 orang. Lain-lain daerah mencatatkan bilangan pegangan pertanian individu di bawah 11,000 orang. Sementara itu, Padang Terap dan Kuala Muda, Kedah masing-masing mencatatkan bilangan pegangan pertanian pertubuhan tanaman getah tertinggi iaitu 16 pertubuhan diikuti Kuala Krai, Kelantan 13 pertubuhan.

Paparan 3: Profil Pegangan Pertanian mengikut Daerah, Malaysia, 2023

Individu		Pertubuhan	
1. Pasir Mas	13,815 (3.7%)	1. Padang Terap	16 (5.2%)
2. Sik	11,303 (2.9%)	2. Kuala Muda	16 (5.2%)
3. Baling	11,171 (3.0%)	3. Kuala Krai	13 (4.2%)
4. Hulu Perak	10,831 (2.8%)	4. Hulu Perak	12 (3.9%)
5. Kuala Krai	9,865 (2.5%)	5. Temerloh	12 (3.9%)

3.1.4 Kewarganegaraan

Daripada 387,124 pegangan pertanian individu, statistik 99.96 peratus atau 386,955 orang merupakan warganegara Malaysia dan selebihnya adalah bukan warganegara Malaysia

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Malaysia, 2023



**Warganegara**  
386,955 (99.96%)



**Bukan warganegara**  
169 (0.04%)

3.1.5 Jantina

Berdasarkan pecahan jantina, seramai 246,998 (63.8%) individu lelaki mendominasi pertanian getah. Manakala, individu perempuan berjumlah 140,126 (36.2%).

Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Malaysia, 2023



**Lelaki**  
246,998 Orang  
63.8%




**Perempuan**  
140,126 Orang  
36.2%



**3.1.6 Kumpulan Umur**

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada berumur 60 tahun dan ke atas iaitu seramai 184,856 orang (47.7%). Seterusnya, kumpulan umur 46 hingga 59 tahun merekodkan seramai 122,246 (31.6%). Manakala, kumpulan umur 31 hingga 45 tahun pula mencatatkan 69,127 orang (17.9%). Golongan belia berumur 15 hingga 30 tahun mewakili 2.8 peratus atau 10,895 orang.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023



**3.1.7 Kumpulan Etnik**

Daripada jumlah pegangan pertanian individu warganegara Malaysia, majoriti terdiri daripada Bumiputera iaitu seramai 358,243 orang (92.6%). Sementara itu, etnik Cina merupakan etnik kedua tertinggi 21,999 orang (5.7%) diikuti etnik Lain-lain 4,433 orang (1.1%) dan etnik India 2,280 orang (0.6%).


Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023



3.1.8 Taraf Perkahwinan

Dari segi taraf perkahwinan, 75.7 peratus (293,118 orang) pegangan pertanian individu adalah berkahwin dan 13.7 peratus (53,136 orang) tidak pernah berkahwin atau masih bujang. Lain-lain taraf merekodkan balu/duda dan bercerai iaitu masing-masing 9.7 peratus dan 0.9 peratus.

Paparan 8: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023



3.1.9 Sijil Tertinggi Diperoleh

Majoriti pegangan pertanian individu getah mempunyai pendidikan menengah seramai 146,527 orang (37.8%). Ini diikuti individu tiada sijil iaitu 128,334 orang (33.2%). Seterusnya, mereka yang mempunyai pendidikan rendah 95,101 orang (24.6%). Sementara itu, 4.4 peratus atau 17,162 orang mempunyai pendidikan tertiar.

Paparan 9: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023




3.2 Keluasan Bertanam

3.2.1 Keluasan Bertanam Mengikut Negeri

Keseluruhan keluasan bertanam bagi tanaman getah di Malaysia mencatatkan keluasan seluas 717.3 ribu hektar. Sabah mencatat keluasan bertanam terbesar iaitu 219.7 ribu hektar (30.6%), diikuti Kelantan dengan 89.2 ribu hektar (12.4%) dan Kedah 88.2 ribu hektar (12.3%). Sementara itu, Pulau Pinang merekodkan keluasan bertanam terkecil iaitu hanya 0.3 ribu hektar.

Paparan 10: Keluasan Bertanam mengikut Negeri, Malaysia, 2023




Nota: Aktiviti tanaman getah tidak terdapat di W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya

3.2.2 Keluasan Bertanam Mengikut Daerah

Keningau di Sabah mencatatkan keluasan bertanam terbesar iaitu 37.4 ribu hektar (5.2%). Ini diikuti oleh Kuala Krai, Kelantan dengan 28.9 ribu hektar (4.0%). Hulu Perak, Perak dan Padang Terap, Kedah masing-masing merekodkan keluasan yang sama iaitu 23.5 ribu hektar (3.3%). Sementara itu, Kota Marudu, Sabah mencatatkan keluasan seluas 22.7 ribu hektar (3.2%).


Paparan 11: Lima Daerah Keluasan Bertanam Terbesar, Malaysia, 2023



3.2.3 Keluasan Bertanam Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri

Keseluruhan keluasan kawasan bertanam bagi tanaman getah pegangan pertanian individu di Malaysia mencatatkan keluasan seluas 604.0 ribu hektar. Sabah merekodkan keluasan bertanam getah terbesar iaitu 192.9 ribu hektar (31.9%). Ini diikuti dengan Kedah 70.4 ribu hektar (11.7%) dan Kelantan 70.0 ribu hektar (11.6%). Sementara itu, Pulau Pinang merekodkan keluasan bertanam terkecil iaitu hanya 0.2 ribu hektar.


Paparan 12: Keluasan Bertanam Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.2.4 Keluasan Bertanam Pegangan Pertanian Individu Mengikut Daerah

Keningau di Sabah merekodkan keluasan bertanam terbesar dari keseluruhan keluasan bertanam pegangan pertanian individu iaitu 27.2 ribu hektar (4.5%). Seterusnya, Kota Marudu, Sabah 22.4 ribu hektar (3.7%). Ini diikuti Tenom, Sabah 21.5 ribu hektar (3.6%) dan Jempol, Negeri Sembilan 19.9 ribu hektar (3.3%). Manakala, Kuala Krai, Kelantan mencatatkan seluas 19.2 ribu hektar (3.2%).

Paparan 13: Lima Daerah Keluasan Bertanam Terbesar bagi Pegangan Pertanian Individu, Malaysia, 2023



3.2.5 Keluasan Bertanam Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Negeri

Keseluruhan keluasan bertanam bagi tanaman getah pegangan pertanian pertubuhan di Malaysia merekodkan keluasan seluas 113.3 ribu hektar. Sabah mencatatkan keluasan terbesar dengan 26.8 ribu hektar atau 23.6 peratus daripada jumlah keluasan bertanam. Ini diikuti oleh Kelantan 19.2 ribu hektar (16.9%) dan Pahang 18.2 ribu hektar (16.1%). Manakala, Kedah merekodkan 17.9 ribu hektar (15.8%) dan Perak 9.9 ribu hektar (8.7%). Sementara itu, Pulau Pinang merekodkan keluasan bertanam terkecil iaitu 0.1 ribu hektar.

Paparan 14: Keluasan Bertanam Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Nota: Aktiviti tanaman getah tidak terdapat di W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya

3.2.6 Keluasan Bertanam Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Daerah

Lima daerah yang merekodkan keluasan bertanam bagi pegangan pertanian pertubuhan terbesar di Malaysia ialah Keningau, Sabah 10.2 ribu hektar (9.0%), Kuala Krai, Kelantan 9.6 ribu hektar (8.5%) dan Temerloh, Pahang 9.1 ribu hektar (8.1%). Ini diikuti dengan Padang Terap, Kedah 8.8 ribu hektar (7.6%) dan Hulu Perak, Perak 8.4 ribu hektar (7.5%).

Paparan 15: Lima Daerah Keluasan Bertanam Terbesar bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan, Malaysia, 2023




### 3.3 Keluasan Bertuai

#### 3.3.1 Keluasan Bertuai Mengikut Negeri

Bagi aktiviti tanaman getah keluasan bertuai adalah merujuk kepada keluasan bertoreh. Secara keseluruhan keluasan bertuai mencatatkan keluasan 622.1 ribu hektar. Sabah merekod keluasan bertuai terbesar 196.5 ribu hektar (31.6%). Ini diikuti Kelantan dengan 81.2 ribu hektar (13.1%) dan Kedah 74.3 ribu hektar (11.9%). Manakala, Pahang mencatatkan keluasan bertuai seluas 61.2 ribu hektar (9.8%) dan Negeri Sembilan seluas 53.7 ribu hektar (8.6%).

Paparan 16: Keluasan Bertuai mengikut Negeri, Malaysia, 2023




Nota: Aktiviti tanaman getah tidak terdapat di W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya

#### 3.3.2 Keluasan Bertuai Mengikut Daerah

Keningau di Sabah mencatatkan keluasan bertuai getah terbesar iaitu 35.4 ribu hektar (5.7%), diikuti oleh Kuala Krai, Kelantan 27.4 ribu hektar (4.4%) dan Kota Marudu, Sabah 21.8 ribu hektar (3.5%). Seterusnya, Jempol, Negeri Sembilan merekodkan keluasan bertuai seluas 21.5 ribu hektar (3.5%) dan Tenom, Sabah 20.7 ribu hektar (3.3%).


Paparan 17: Lima Daerah Keluasan Bertuai Terbesar mengikut Daerah, Malaysia, 2023



3.3.3 Keluasan Bertuai Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri

Keseluruhan keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu getah di Malaysia adalah seluas 534.2 ribu hektar. Sabah merekodkan keluasan bertuai terbesar iaitu 177.6 ribu hektar (33.2%), diikuti Kelantan 64.9 ribu hektar (12.1%) dan Kedah seluas 59.7 ribu hektar (11.2%). Manakala, Sarawak 52.8 ribu hektar (9.9%) dan Negeri Sembilan 48.6 ribu hektar (9.1%).

Paparan 18: Keluasan Bertuai Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.3.4 Keluasan Bertuai Pegangan Pertanian Individu Mengikut Daerah

Daerah yang mencatatkan keluasan bertuai getah terbesar di Malaysia adalah daerah Keningau, Sabah dengan jumlah keluasan 25.3 ribu hektar. Ini diikuti Kota Marudu, Sabah (21.6 ribu hektar) Tenom, Sabah (20.7 ribu hektar) dan Jempol, Negeri Sembilan (19.1 ribu hektar). Manakala, Kuala Krai, Kelantan dengan 18.0 ribu hektar.


Paparan 19: Lima Daerah Keluasan Bertuai Terbesar bagi Pegangan Pertanian Individu, Malaysia, 2023



3.3.5 Keluasan Bertuai Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Negeri

Di Malaysia, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian pertubuhan getah mencatatkan 87.9 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, Sabah merupakan negeri yang mempunyai keluasan bertuai getah terbesar dengan 18.9 ribu hektar (21.5%). Ini diikuti oleh Kelantan dengan 16.3 ribu hektar (18.5%), Kedah 14.6 ribu hektar (16.6%), Pahang 14.4 ribu hektar (16.4), dan Johor 7.5 ribu hektar (8.6%).

Paparan 20: Keluasan Bertuai Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.3.6 Keluasan Bertuai Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Daerah

Daerah yang mencatatkan keluasan bertuai getah terbesar adalah Keningau, Sabah dengan jumlah keluasan seluas 10.2 ribu hektar (11.6%). Diikuti oleh Kuala Krai, Kelantan 9.4 ribu hektar (10.7%), Padang Terap, Kedah 8.4 ribu hektar (9.6%), Temerloh, Pahang 5.7 ribu hektar (6.5%) dan Hulu Perak, Perak dengan 5.5 ribu hektar (6.3%)

Paparan 21: Lima Daerah Keluasan Bertuai Terbesar bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan, Malaysia, 2023






### 3.4 Kuantiti Pengeluaran dan Kuantiti Jualan

Kuantiti pengeluaran merujuk kepada jumlah lateks dan sekerap yang dihasilkan manakala kuantiti jualan merujuk kepada jumlah lateks dan sekerap yang dijual, sama ada kepada peraih atau terus kepada kilang. Dalam konteks Banci Pertanian, kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan bagi getah adalah sama, memandangkan semua hasil lazimnya dijual secara langsung tanpa disimpan. Ini disebabkan sifat kimia semulajadi getah yang sensitif terhadap kesan suhu, cahaya dan kelembapan serta proses pengangkutan dan penyimpanan bagi memastikan kualiti ditahap optimum.

#### 3.4.1 Kuantiti Pengeluaran Mengikut Negeri

Pegangan pertanian individu dan pertubuhan merekodkan kuantiti pengeluaran getah di Malaysia sebanyak 423.7 ribu tan metrik. Lima negeri yang mencatatkan pengeluaran getah tertinggi adalah Sabah dengan 85.8 ribu tan metrik (20.2%), diikuti Kelantan 62.9 ribu tan metrik (14.8%) dan Kedah 58.0 ribu tan metrik (13.7%). Manakala, Pahang dan Sarawak masing-masing merekodkan pengeluaran sebanyak 49.7 ribu tan metrik (11.7%) dan 44.2 ribu tan metrik (10.4%).


Paparan 22: Kuantiti Pengeluaran mengikut Negeri, Malaysia, 2023



#### 3.4.2 Kuantiti Pengeluaran Mengikut Daerah

Kuala Krai, Kelantan merekodkan nilai pengeluaran tertinggi mengikut daerah dengan nilai 21.5 ribu tan metrik (5.0%), diikuti oleh Hulu Perak, Perak 17.1 ribu tan metrik (4.0%) dan Jempol, Negeri Sembilan 16.6 ribu tan metrik (3.9%). Seterusnya, Padang Terap, Kedah dengan nilai 16.5 ribu tan metrik (3.8%) dan Keningau, Sabah 16.0 ribu tan metrik (3.7%).


Paparan 23: Lima Daerah Kuantiti Pengeluaran Tertinggi, Malaysia, 2023



3.4.3 Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri

Sabah direkodkan sebagai negeri penyumbang utama bagi kuantiti pengeluaran pegangan pertanian individu dengan nilai 70.0 ribu tan metrik (20.3%), diikuti Kelantan 49.3 ribu tan metrik (14.3%). Manakala, Kedah mencatatkan sebanyak 45.5 ribu tan metrik (13.2%), Sarawak 43.2 ribu tan metrik (12.5%) dan Negeri Sembilan 36.9 ribu tan metrik (10.7%).

Paparan 24: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri, Malaysia, 2023




Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar

3.4.4 Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu Mengikut Daerah,

Kuantiti pengeluaran pegangan pertanian individu mengikut daerah menunjukkan lima daerah mencatatkan pengeluaran getah tertinggi iaitu Jempol, Negeri Sembilan 14.3 ribu tan metrik (4.1%), Kuala Krai, Kelantan 13.7 ribu tan metrik (3.9%) dan Hulu Perak, Perak 10.6 ribu tan metrik (3.0%). Manakala, Betong, Sarawak dan Sik, Kedah masing-masing merekodkan pengeluaran sebanyak 10.3 ribu tan metrik (3.0%) dan 10.1 ribu tan metrik (2.9%).


Paparan 25: Lima Daerah Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Individu Tertinggi, Malaysia, 2023



3.4.5 Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Negeri

Sabah sebagai negeri pengeluar getah utama bagi pegangan pertanian pertubuhan iaitu 15.8 ribu tan metrik (19.9%). Ini diikuti oleh Pahang dengan pengeluaran 14.2 ribu tan metrik (17.9%) dan Kelantan 13.6 ribu tan metrik (17.2%). Seterusnya, Kedah dan Perak masing-masing mencatatkan 12.5 ribu tan metrik (15.8%) dan 7.6 ribu tan metrik (9.7%).

Paparan 26: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Negeri, Malaysia, 2023




Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar

3.4.6 Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Daerah

Keningau, Sabah merekodkan pengeluar getah tertinggi dengan jumlah 8.2 ribu tan metrik (10.4%), Kuala Krai, Kelantan berada di kedudukan kedua dengan jumlah pengeluaran 7.8 ribu tan metrik (9.8%). Ini diikuti oleh Padang Terap, Kedah 7.1 ribu tan metrik (8.9%), Temerloh, Pahang 6.9 ribu tan metrik (8.7%) dan Hulu Perak, Perak 6.5 ribu tan metrik (8.2%)

Paparan 27: Lima Daerah Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Pertubuhan Tertinggi, Malaysia, 2023




### 3.5 Nilai Jualan

#### 3.5.1 Nilai Jualan Mengikut Negeri

Nilai jualan keseluruhan hasil tanaman getah berjumlah RM2,693.57 juta pada tahun 2023. Sabah mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan jumlah RM492.43 juta (18.3%). Pahang pula berada di kedudukan kedua iaitu RM375.33 juta (13.9%), diikuti Kedah dengan nilai jualan RM347.96 juta (12.9%). Sementara itu, Kelantan merekodkan sebanyak RM343.56 juta (12.8%) dan Negeri Sembilan berada di tempat kelima tertinggi dengan jumlah RM335.74 juta (12.5%).


Carta 1: Nilai Jualan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



#### 3.5.2 Nilai Jualan Mengikut Daerah

Nilai jualan bagi pegangan pertanian mengikut daerah menunjukkan Jempol, Negeri Sembilan merekodkan nilai jualan getah tertinggi dengan jumlah RM140.61 juta (5.2%). Empat daerah lain yang turut menyumbang nilai tertinggi adalah Kuala Krai, Kelantan RM134.22 juta (5.0%), Hulu Perak, Perak RM124.28 juta (4.6%) dan Keningau, Sabah RM117.03 juta (4.3%). Manakala, Temerloh, Pahang mencatatkan nilai sebanyak RM111.40 juta (4.1%).


Paparan 28: Lima Daerah Nilai Jualan Tertinggi, Malaysia, 2023



### 3.5.3 Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri

Nilai jualan keseluruhan bagi pegangan pertanian individu berjumlah RM1,972.89 juta pada tahun 2023. Sabah mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan jumlah RM349.34 juta (17.7%). Negeri Sembilan pula berada di kedudukan kedua iaitu RM290.70 juta (14.7%), diikuti Kedah RM241.48 juta (12.2%) dan Pahang RM235.35 juta (11.9%). Manakala, Kelantan merekodkan nilai sebanyak RM225.81 juta (11.4%).


Carta 2: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri, Malaysia, 2023



### 3.5.4 Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Daerah

Nilai jualan pegangan pertanian individu mengikut daerah menunjukkan Jempol, Negeri Sembilan mencatatkan nilai jualan getah tertinggi dengan jumlah RM118.30 juta (6.0%). Empat daerah lain yang turut menyumbang nilai tertinggi adalah Pitas, Sabah RM66.96 juta (3.4%), Hulu Perak, Perak RM65.47 juta (3.3%), diikuti Segamat, Johor RM64.34 juta (3.3%) dan Kuala Krai, Kelantan RM62.11 juta (3.1%).


Paparan 29: Lima Daerah Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu Tertinggi, Malaysia, 2023



3.5.5 Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Negeri

Jumlah nilai jualan pertubuhan mencatatkan RM720.68 juta dengan Sabah berada di kedudukan teratas merekodkan nilai jualan mencecah lebih RM143.09 juta (19.9%). Pahang pula mencatatkan nilai jualan sekitar RM139.98 juta (19.4%), menjadikannya negeri kedua tertinggi. Diikuti, Kelantan di kedudukan ketiga dengan nilai jualan RM117.75 juta (16.3%). Seterusnya, Kedah dan Perak melengkapkan senarai lima negeri tertinggi dengan masing-masing mencatatkan nilai jualan sebanyak RM106.49 juta (14.85) dan RM69.78 juta (9.7%).


Carta 3: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.5.6 Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Daerah

Keningau, Sabah mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM82.22 juta (11.4%) berbanding empat daerah lain. Kuala Krai, Kelantan berada di tempat kedua dengan nilai jualan RM72.11 juta (10.0%), diikuti oleh Temerloh, Pahang yang mencatatkan RM68.17 juta (9.5%). Hulu Perak, Perak dan Padang Terap, Kedah turut termasuk dalam kelompok lima daerah tertinggi dengan nilai masing-masing berjumlah RM58.81 juta (8.2%) dan RM56.63 juta (7.9%).

Paparan 30: Lima Daerah Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan Tertinggi, Malaysia, 2023



## Prospek Masa Depan Industri Getah Malaysia

Lembaga Getah Malaysia

### Pengenalan

Industri getah merupakan salah satu sektor penting dalam ekonomi Malaysia sejak awal abad ke-20. Negara pernah menjadi pengeluar utama getah asli dunia sehingga tahun 1990 dengan syer sebanyak 34 peratus dari jumlah pengeluaran getah global. Walaupun Malaysia pada masa ini bukan lagi pengeluar utama getah dunia tetapi sektor getah terus memberi sumbangan kepada sektor ekonomi negara dari segi sumbangan eksport, pendapatan negara dan peluang pekerjaan kepada rakyat.

### Keadaan Semasa Industri Getah Malaysia

Walaupun trend pengeluaran getah asli Malaysia menunjukkan penurunan, namun pengeluaran pada tahun 2024 yang berjumlah 386,512 tan adalah lebih tinggi berbanding tahun 2022 dan 2023 disokong oleh pengukuhan harga getah asli. Sumbangan eksport bagi keseluruhan industri getah iaitu getah asli, produk getah dan getah-getah lain pada tahun 2024 yang berjumlah RM 33.67 billion juga meningkat berbanding tahun 2023. Dalam tempoh yang sama, sumbangan industri getah kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) (*at Constant Price 2015*) juga menunjukkan peningkatan.

### Cabaran-cabaran

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh industri termasuk:

- Harga getah yang tidak stabil: Harga getah peringkat ladang yang tidak menentu menjejaskan minat pekebun kecil.
- Kekurangan tenaga kerja ladang: Majoriti pekebun adalah warga berumur dan generasi muda kurang berminat dalam sektor getah.
- Kos pengeluaran yang tinggi: Persaingan dengan negara pengeluar getah yang mempunyai kos pengeluaran lebih rendah berbanding Malaysia.
- Kebergantungan kepada import: Pengeluaran getah asli domestik tidak mencukupi, untuk menampung keperluan sektor pemprosesan dan hiliran getah.
- Persaingan global: Thailand, Indonesia dan Viet Nam menawarkan harga yang lebih kompetitif, menghasilkan produk getah yang serupa.
- Keperluan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG): Piawai pematuhan yang tinggi meningkatkan kos.

### Peluang dan Potensi Masa Depan

#### a) Peningkatan Permintaan Global

Produk berasaskan getah masih mendapat permintaan tinggi secara global, terutamanya dalam sektor perubatan, automotif dan pembinaan. Negara seperti

Amerika Syarikat, China, India dan kesatuan Eropah menunjukkan peningkatan permintaan terhadap produk berasaskan getah asli yang lebih lestari dan mesra alam.



b) Inovasi Teknologi

Pembangunan teknologi baharu seperti automasi ladang dan klon getah tahan penyakit & berhasil tinggi mampu meningkatkan produktiviti dan menarik minat generasi baharu ke dalam industri.

c) Diversifikasi Produk Hiliran

Malaysia boleh memanfaatkan keupayaan sedia ada dalam industri hiliran untuk memperluas pengeluaran ke arah produk getah mesra alam. Ini membolehkan nilai eksport ditingkatkan walaupun jumlah hasil getah asli tidak meningkat secara mendadak.

### Strategi Memperkasakan Industri

Untuk memastikan industri getah Malaysia terus mampan dan berdaya saing, beberapa dasar dan strategi penting sedang dilaksanakan:

1. Pelaksanaan Dasar Agrikomoditi Negara 2021–2030 (DAKN 2030).

Masa depan industri getah di Malaysia dijangka lebih mampan, berdaya saing dan bernilai tinggi. DAKN 2030 memberi penekanan terhadap pemodenan sektor, nilai tambah, kelestarian dan keterangkuman sosial. Semua ini menjadi landasan penting dalam mengukuhkan industri getah Malaysia bagi dekad yang akan datang.

Prospek masa depan industri getah Malaysia sangat bergantung kepada keberkesanan pelaksanaan DAKN 2030. Dasar ini menyediakan rangka kerja yang menyeluruh bagi memastikan industri ini bukan sahaja kekal relevan tetapi berkembang sebagai industri moden, berdaya saing dan mesra alam. Melalui pendekatan strategik yang melibatkan semua pihak iaitu kerajaan, agensi, pekebun kecil, pemain industri dan institusi Penyelidikan, Malaysia mampu mengembalikan kegemilangan industri getah di pentas dunia dengan acuan baharu yang lebih mampan dan inklusif ke arah ekosistem industri yang kukuh.

2. Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)

NIMP 2030 ialah pelan strategik Malaysia untuk mentransformasikan sektor perkilangan dan perindustrian negara dalam tempoh tujuh tahun dari 2023 hingga 2030. Ia telah dilancarkan pada 1 September 2023 oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim dan diselaraskan dengan kerangka Ekonomi MADANI.

Tumpuan khusus kepada industri produk berasaskan getah sebagai salah satu daripada 21 sektor utama yang dikenal pasti untuk transformasi perindustrian negara. Industri ini merangkumi lima subsektor utama iaitu produk berasaskan lateks, tayar & produk berkaitan, produk getah industri, produk getah am dan kasut getah.

NIMP 2030 menekankan transformasi industri ini melalui pendekatan berasaskan misi dengan fokus kepada:

- i. Meningkatkan pembangunan ekonomi: Menggalakkan pengeluaran produk getah bernilai tinggi dan berteknologi tinggi.
- ii. Pendigitalan: Menerapkan teknologi Revolusi Industri (IR) 4.0
- iii. Kelestarian: Memastikan pematuhan kepada piawaian ESG dan mempromosikan amalan mampan.

- iv. Keselamatan ekonomi dan inklusiviti: Mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi dan memperkukuh rantaian bekalan domestik.

3. Kerajaan melalui **Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)** dan **Lembaga Getah Malaysia (LGM)** juga sedang melaksanakan program *flagship* bagi meningkatkan daya saing industri getah dan membantu pekebun kecil, antaranya:

- i. Insentif Pengeluaran Getah (IPG)

Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dilaksanakan bertujuan untuk menjamin kebajikan pekebun kecil getah ketika kejatuhan harga getah di pasaran dan memastikan pengeluaran getah domestik yang berterusan.

- ii. MyROL

Jualan getah secara kelompok menggunakan sistem tender *MyRubber Online* (MyROL) telah diperkenalkan oleh LGM.

- iii. Insentif Pengeluaran Lateks (IPL+)

Pemberian insentif ini adalah untuk menggalakkan pekebun kecil meningkatkan pengeluaran lateks atau beralih kepada pengeluaran getah dalam bentuk lateks berbanding sekerap yang memberi pulangan yang lebih tinggi. Inisiatif ini merupakan langkah bagi menjamin bekalan bahan mentah iaitu lateks bagi industri hiliran tempatan dan mengurangkan kebergantungan pada lateks import. Melalui program IPL+, pemendekan rantaian pemasaran dilaksanakan di mana kilang pemproses dibenarkan membeli lateks secara terus daripada pekebun kecil getah yang berupaya memberikan tawaran harga yang lebih baik.

- iv. Program Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET)

Program TARGET dilaksanakan melalui aktiviti menambah nilai getah dengan memproses getah sekerap kepada getah krip. Pelaksanaan Program TARGET bertujuan untuk meningkatkan pendapatan kluster pekebun kecil getah dengan cara memendekkan rantaian bekalan dan meningkatkan nilai tambah melalui penglibatan kluster pekebun dalam rantaian industri getah (integrasi menegak).

- v. Perancangan bagi Pelaksanaan Program Konsolidasi Tanah Getah bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil melalui pengurusan kebun terbiar secara berkluster dengan lebih efektif.

Nota: Program **MyROL**, **IPL+** dan **TARGET** dirangka agar rantaian pemasaran dapat dikurangkan agar pekebun kecil mendapat tawaran harga getah yang lebih baik.

4. Inovasi dalam industri getah

- i. Teknologi *Industrial Revolution* (IR) 4.0 yang melibatkan penggunaan sistem pintar, dron dan sensor dalam pengurusan sektor getah yang lebih efisien. Pembangunan teknologi ini juga telah membuka beberapa potensi perbincangan kerjasama bersama beberapa pihak antarabangsa daripada negara Jepun, China, Korea dan USA.
- ii. Penghasilan klon-klon getah baharu yang lebih produktif serta tahan terhadap penyakit.

- iii. Pembangunan teknologi stimulan seperti *RRIM Hydrobest* untuk meningkatkan produktiviti getah sehingga 30%. Teknologi ini berfungsi untuk meningkatkan pengeluaran lateks getah yang dapat memberi manfaat langsung kepada penoreh getah. Penambahbaikan untuk formulasi ini juga sedang dibuat bagi sistem torehan seminggu sekali (D6) dengan dapatan hasil yang sama atau lebih baik berbanding dengan torehan konvensional.
- iv. Pembangunan mesin toreh mekanikal berasaskan *MOTORAY* yang telah diperkenalkan pada tahun 80an. Penggunaan mesin ini membolehkan pekerja kurang mahir dalam penorehan turut dapat menoreh.
- v. Pemantapan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang bertujuan memastikan produktiviti hasil getah dipertingkatkan melalui pengurusan ladang getah yang efektif.
- vi. Penyelidikan mengenai inovasi baja bio sebagai alternatif dan kombinasi kepada penggunaan baja kimia di ladang getah sedang dijalankan dengan matlamat untuk menyokong peningkatan produktiviti getah secara mampan dan mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar.
- vii. Bagi meningkatkan lagi daya saing sektor hiliran, penubuhan pusat sehati bagi perkhidmatan ujian dan perundingan getah yang dikenali sebagai Pengujian dan Perundingan Global untuk Getah (G-TACR) akan meningkatkan kualiti perkhidmatan ujian dan perundingan yang ditawarkan oleh LGM kepada industri.

#### 5. Kerjasama antarabangsa

Kerjasama dalam menstabilkan harga getah dilaksanakan melalui langkah pengurusan bekalan dan meningkatkan penggunaan getah asli di kalangan negara-negara pengeluar di bawah platform *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* yang dianggotai oleh Thailand, Indonesia dan Malaysia. Selain itu, Malaysia juga merupakan salah sebuah negara ahli dalam *The Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)* yang secara keseluruhannya dianggotai oleh 13 negara pengeluar getah dunia.

#### 6. Getah Asli Mampan Malaysia (MSNR)

LGM komited untuk memastikan industri getah negara dapat memenuhi keperluan antarabangsa dalam aspek kemampanan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2030 (*United Nation Sustainable Development Goal - SDG2030*). Pada masa ini, isu alam sekitar dan kemampanan semakin mendapat perhatian dunia. Oleh itu, sebagai langkah proaktif, LGM telah membangunkan Getah Asli Mampan Malaysia atau *Malaysian Sustainable Natural Rubber (MSNR)* melalui pendekatan kawal selia untuk memastikan getah Malaysia yang dihasilkan dapat memasuki pasaran dunia sebagai produk mampan yang berdaya saing.

#### Kesimpulan

Industri getah Malaysia mempunyai masa depan yang lebih mampan dan berdaya saing. Dengan gabungan inovasi teknologi terkini dan sokongan dasar kerajaan yang kukuh, industri ini masih mampu menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Transformasi industri getah bukan hanya satu keperluan ekonomi tetapi juga peluang untuk mewujudkan pekerjaan berkualiti, mengurangkan kebergantungan sumber import serta menyokong agenda kelestarian nasional.

**PENAFIAN**

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Lembaga Getah Malaysia (LGM).

**RUJUKAN/ ARTIKEL BERKAITAN**

Lembaga Getah Malaysia: [www.lgm.gov.my](http://www.lgm.gov.my)

Kementerian Perladangan dan Komoditi: *National Agricommodity Policy 2021-2030 (DAKN 2030)*

Jabatan Perangkaan Malaysia: Perangkaan Getah Bulanan Feb 2025

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI):

<https://www.nimp2030.gov.my>

## **RISDA MENDEPANI DAN MENGHARUNGI CABARAN INDUSTRI GETAH DENGAN MEMFOKUSKAN KEPADA PENGELUARAN HASIL GETAH NEGARA**

Nur Emmalina Binti Mohd Noor, Encik Zolkifli @ Jaafar Numeire bin Yahaya,  
Muhammad Amir bin Azahari  
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)

### **1. PENGENALAN**

Sektor komoditi negara kini semakin pesat membangun; industri getah asli tidak terkecuali dan terus menyumbang kepada pendapatan negara. Namun dalam menghadapi kepesatan ekonomi negara, industri getah asli tidak terkecuali menghadapi cabaran dan rintangan dalam membentuk struktur yang mampan dan lestari. Pekebun kecil yang merupakan tunjang di dalam sektor hulu merupakan penyumbang terbesar kepada pengeluaran getah asli negara (DOSM, 2024).

### **2. LATAR BELAKANG**

Pengeluaran getah negara menunjukkan trend penurunan yang signifikan berbanding tahun 1990an. Pada tahun 2024, pengeluaran getah negara hanya mencatatkan sejumlah 386,512 tan metrik dengan sektor pekebun kecil yang kekal menjadi penyumbang terbesar sebanyak 340,208 tan metrik, seperti yang dilaporkan oleh DOSM (2024). Negara terpaksa mengimport bekalan bahan mentah dari luar negara terutama dari negara-negara rantau Asia Tenggara bagi memenuhi keperluan industri domestik. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bagi tahun 2024 Negara telah mengimport sebanyak 236,909 tan metrik Getah Mutu Malaysia (SMR 20) dan 220,268 tan metrik lateks pekat.

### **3. CABARAN-CABARAN**

Industri pengeluaran getah negara, khususnya di Malaysia berdepan pelbagai cabaran dan halangan yang boleh menjejaskan daya saing dan kelestariannya antara cabarannya adalah seperti berikut:

- i. Harga Getah yang Tidak Stabil: Harga pasaran global getah asli yang tidak stabil dan sering mengalami turun naik boleh menjejaskan pendapatan pekebun kecil. (Harun, A. R., Ismail, R., & Yaacob, M. R., 2020).
- ii. Kos Pengeluaran yang Tinggi: Pekebun Kecil akan mengalami masalah dari segi kos pengeluaran sumber kewangan yang tinggi bagi membeli baja, racun perosak, membayar gaji tenaga buruh yang diupah, serta kos logistik. (Utusan Malaysia, 2023)
- iii. Kekurangan Tenaga Buruh: Kekurangan minat warga tempatan dalam menyertai program dan kebergantungan industri getah terhadap pekerja asing boleh menimbulkan masalah seperti isu-isu berkaitan kos dan kawalan imigresen. (Harun, A. R., Ismail, R., & Yaacob, M. R., 2020)
- iv. Kurangnya Penyertaan Generasi Muda: IPSAS UPM (2024) menerbitkan satu artikel berkaitan mindset generasi muda yang menganggap pekerjaan dalam sektor pertanian ini suatu pekerjaan yang membosankan dan kurang menarik, menjadi halangan kurangnya penyertaan.

- v. Usia Pekebun Kecil Yang Meningkatkan: Laporan Banci Pekebun Kecil Getah 2023 (BPKG 2023) yang dilaksanakan oleh RISDA menunjukkan purata usia pemilik kebun adalah 61 tahun (RISDA, 2024).

#### 4. MEREALISASIKAN PENGELUARAN GETAH NEGARA (PETARA) KE ARAH 1 JUTA TAN METRIK MENJELANG TAHUN 2030 (KERANGKA RMK ke-13)

Berdasarkan Laporan BPKG 2023, RISDA telah merangka Model Pengeluaran Getah Negara (PETARA) dalam meningkatkan produktiviti getah, menambahkan pendapatan isi rumah serta meningkatkan kebajikan pekebun kecil. (Sinar Harian, 2024)

Matlamat untuk mencapai satu (1) juta tan metrik menjelang tahun 2030 merupakan sebahagian daripada inisiatif RISDA bertujuan meningkatkan pengeluaran getah asli negara melalui pendekatan berskala besar, dengan fokus kepada pekebun kecil getah (Mohd Salleh, N. H., 2019). Bagi mencapai sasaran ini, dianggarkan 670,000 hektar tanah pekebun kecil akan berhasil dan kekal produktif dengan anggaran purata produktiviti 1,500 kg (kering) per hektar setahun.

##### 4.1. Model Pengeluaran Getah Negara (PETARA)

Model PETARA diwujudkan sebagai satu dasar dan garis panduan bagi memastikan kebun getah kekal produktif sebagai langkah ke arah meningkatkan pengeluaran getah negara (PETARA, 2025). Dalam merealisasikan PETARA, pihak RISDA telah memperkenalkan lima program utama seperti berikut:

- a) Program Peningkatan Produktiviti Getah (PROGET) yang dilaksanakan oleh RISDA bertujuan membantu pekebun kecil meningkatkan hasil pengeluaran getah melalui pemberian bantuan teknikal dan input pertanian. Program yang dilaksanakan ini meliputi Program Pengeluaran Hasil Getah Matang (PHGM) bertujuan membantu pemilik kebun getah matang membuka panel torehan buat kali pertama. Bantuan yang disediakan seperti bekalan set torehan, baja dan racun rumpai bagi memastikan kebun getah yang telah selesai menerima bantuan tanam semula segera mengeluarkan hasil.
- b) Program Peningkatan Produktiviti Lateks Pekebun Kecil (PROTEKS) adalah inisiatif oleh RISDA dalam membantu pekebun kecil getah yang mengeluarkan hasil dari kebun dalam bentuk lateks. Ini bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil dengan mengeluarkan hasil yang bernilai lebih tinggi berbanding pengeluaran skrap. Program ini meliputi Insentif Pengeluaran Lateks (INTEKS) yang memberikan insentif pembekalan peralatan seperti bekalan tong simpanan lateks, bahan ammonia dan Geran Pemasaran Lateks (GPL) iaitu bantuan tunai secara one off kepada Jawatankuasa Pemasaran Berkelompok bagi membantu menampung kos pembelian dari pekebun kecil.
- c) Fasiliti Getah Matang (FASGET) adalah program khusus untuk membantu rantaian pemasaran getah di luar bandar yang merangkumi:
  - i. Kemudahan Infrastruktur Pemasaran (KIP) menyediakan infrastruktur pemasaran seperti Depo Pengumpulan Skrap dan Lateks bagi membolehkan pekebun kecil menjalankan aktiviti pemasaran secara berkelompok dan jualan terus ke kilang pemprosesan bagi

memendekkan rantai pemasaran.

- ii. Depo Beprestasi Tinggi (DPT): Pembinaan bangunan yang dilengkapi dengan kemudahan asas untuk pengumpulan lateks berkapasiti tinggi.
  - iii. Alat menyukat Kandungan Getah Kering (KGK/ DRC): Pembekalan alat yang digunakan untuk menentukan Kandungan Getah Kering (KGK) lateks ladang secara tepat dan cepat, contohnya RRIMeter dan Mini Lab (oven)
  - iv. Pemasaran Getah Bergerak (PGB): inisiatif RISDA meningkatkan akses pekebun kecil kepada kaedah pemasaran getah yang tidak bergantung kepada orang tengah. Pelaksanaannya merangkumi penggunaan infrastruktur bergerak seperti lori dan trak pikap yang membawa hasil dari kebun terus ke kilang pemprosesan skrap dan lateks.
  - v. Prasarana Ladang (PL): inisiatif RISDA dalam menyediakan infrastruktur pemasaran bagi membolehkan pekebun kecil mendapat akses yang lebih mudah untuk mengeluarkan hasil dari kebun seperti jalan pertanian, pembentungan, jambatan dan lain-lain.
  - vi. Insentif Pengeluaran Getah Pekebun Kecil (IPGPK) merupakan insentif tunai untuk penghasilan skrap dan lateks bertujuan menggalakkan pekebun kecil kekal produktif.
  - vii. Pemulihan Getah Terbiar (PGT) adalah inisiatif RISDA untuk memulihkan kebun yang terbiar serta tidak produktif dengan insentif bagi kerja- kerja pembersihan kebun dan alat penorehan serta input pertanian seperti baja dan racun.
- d) Program Santuni Pekebun Kecil yang terdiri dari Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) yang dikendalikan oleh Bahagian Produktiviti dan Pemasaran merupakan inisiatif RISDA dalam membantu meringankan beban kewangan pekebun kecil yang tidak mengeluarkan hasil kebun ketika musim tengkujuh.

## 5. KESIMPULAN

Secara keseluruhan program di bawah PETARA dijangka mampu menyumbang kepada kelestarian industri getah asli negara yang merangkumi 3 sektor utama iaitu sektor hulu, pertengahan (pemprosesan) dan hiliran (pembuatan). Dengan sektor hulu (pekebun kecil) yang mampu menyumbang bekalan bahan mentah kepada industri domestik, pengaliran wang ke luar negara dan kebergantungan bahan mentah import akan dapat diminimumkan. Selain itu, peluang pekerjaan khususnya kepada generasi muda dapat diwujudkan dan aktiviti sosioekonomi luar bandar akan berkembang sejajar dengan perkembangan ekonomi negara.

## PENAFIAN

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan RISDA.

**RUJUKAN/ ARTIKEL BERKAITAN**

- Department of Statistics Malaysia. (2024). *Annual rubber statistics 2024*.  
<https://www.dosm.gov.my>
- Harun, A. R., Ismail, R., & Yaacob, M. R. (2020). *Rubber industry transformation in Malaysia: Challenges and opportunities*. *Journal of Agribusiness Marketing*, 13(2), 25– 40.
- Utusan Malaysia. (2023, Disember 4). Tetap harga getah ikut kos pengeluaran. Utusan.  
<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/tetap-harga-getah-ikut-kos- pengeluaran>
- IPSAS UPM. (2024, Oktober 15). Belia Malaysia dan industri pertanian.  
[https://ipsas.upm.edu.my/artikel/belia\\_malaysia\\_dan\\_industri\\_pertanian-82520](https://ipsas.upm.edu.my/artikel/belia_malaysia_dan_industri_pertanian-82520)
- Sinar Harian. (2024). RM57.15 juta tingkat pengeluaran getah asli negara melalui PETARA.
- RISDA (2024). Laporan Akhir Banci Pekebun Kecil Getah (BPKG) 2023.
- Mohd Salleh, N. H. (2019). *Smallholder rubber farmers in Malaysia: Productivity and sustainability issues*. *Asian Journal of Agriculture and Development*, 16(1), 101–118.
- PETARA (2025), Pengeluaran Getah Negara (PETARA), AKP RISDA Bilangan 32, Tahun 2024, AKP RISDA Bilangan 5, Tahun 2025, AKP RISDA Bilangan 13, Tahun 2025, AKP RISDA Bilangan 16, Tahun 2025



## Perkembangan Industri Getah di Malaysia: Sorotan Sejarah dan Cabaran Semasa

Zainol Jamil, Azura Arzemi

Bahagian Perangkaan Pertanian & Alam Sekitar

### 1. Sorotan Sejarah

Malaysia pernah dikenali sebagai antara pengeluar utama getah asli dunia, dengan mencatatkan kira-kira 34 peratus daripada jumlah pengeluaran global pada satu ketika. Kedudukan strategik ini telah mendorong kerajaan untuk memperkenalkan Dasar Pertanian Negara pada tahun 1984 sebagai inisiatif untuk memperkukuh industri getah. Dasar ini merangkumi pelan tindakan menyeluruh untuk meningkatkan keluasan kawasan tanaman getah serta mempertingkatkan hasil pengeluaran berikutan unjuran permintaan global yang dijangkakan mencecah enam ribu tan metrik menjelang tahun 2000 pada ketika itu.

Menyorot perspektif sejarah, tanaman getah mula diperkenalkan di Tanah Melayu seawal tahun 1896 dan kemudiannya berkembang pesat menjadi antara aktiviti pertanian komersial utama menjelang awal abad ke-20. Kejayaan penanaman getah berskala besar di Bukit Asahan, Melaka telah menobatkan negeri tersebut sebagai pengeluar utama getah jenis *Hevea brasiliensis* di peringkat global pada awal dekad 1900-an. Ini turut menandakan permulaan fasa penanaman secara perladangan di Tanah Melayu, yang menjelang tahun 1910 berkembang pesat ke seluruh negara.

Pasca kemerdekaan, industri getah terus menjadi tunjang penting dalam agenda pembangunan ekonomi negara. Penanaman getah diperluas sebagai medium peningkatan taraf sosioekonomi luar bandar. Namun, sistem ekonomi dualisme yang diamalkan antara sektor perladangan berskala besar dan pekebun kecil menimbulkan ketidakseimbangan struktur. Pekebun kecil masih berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kelemahan dalam pengurusan, produktiviti yang rendah, serta daya saing yang terbatas.


Menjelang akhir 1990-an, penglibatan kerajaan melalui agensi seperti FELDA, FELCRA dan RISDA telah memperlihatkan pendekatan lebih tersusun dalam membangunkan sektor ini. Objektif utama adalah memastikan pencapaian sasaran pengeluaran getah serta memperkukuh kebajikan pekebun kecil. Dalam masa yang sama, institusi penyelidikan dan pembangunan seperti MARDEC dan RRIM memainkan peranan penting dalam menyokong inovasi serta meningkatkan daya tahan industri. Kesemua entiti ini akhirnya disatukan di bawah Lembaga Getah Malaysia pada tahun 1991. (Muhammad Hafizi & Arba'iyah, 2024)

### 2. Sumbangan Subsektor Getah

Sejak tahun 1970-an hingga 2023, aktiviti tanaman getah telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia, terutamanya sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tempoh awal. Pada tahun 1970, sektor getah menyumbang kira-kira 6.0% kepada KDNK Malaysia, mencerminkan kepentingannya sebagai komoditi eksport utama dan sumber pendapatan negara. Sumbangan ini kekal signifikan sepanjang 1980-an tetapi mula menurun secara beransur-ansur apabila ekonomi Malaysia beralih kepada perindustrian dan kepelbagaian sektor.

Menjelang tahun 2000, sumbangan sektor getah merosot kepada sekitar 1.0 peratus, dan seterusnya menurun kepada kurang daripada 0.5 peratus selepas tahun 2010 dan 2023 hanya 0.1 peratus. Walaupun begitu, industri hiliran getah, khususnya pembuatan produk getah seperti sarung tangan, telah memberikan nilai tambah kepada ekonomi. Semasa pandemik COVID-19, subsektor ini menyaksikan lonjakan permintaan global, menyumbang secara tidak langsung kepada eksport negara. Sementara itu, sumbangan aktiviti tanaman getah kepada KDNK pertanian turut menyusut daripada 4.1 peratus mulai 2017 kepada hanya 1.5 peratus pada 2023. Statistik ini jelas menunjukkan kemerosotan daya saing industri ini yang berhadapan dengan cabaran harga komoditi yang tidak stabil serta peningkatan penggunaan getah sintetik secara global.

Carta 4: Sumbangan Tanaman Getah kepada KDNK Malaysia dan KDNK Pertanian, 2023



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023


Dari segi kedudukan global, Malaysia kini berada di tempat ketujuh sebagai pengeluar getah asli selepas Thailand, Indonesia, Vietnam, India, Ivory Coast dan China. Ini menandakan perubahan ketara berbanding kedudukan dominan negara pada abad ke-20. Penurunan ini juga konsisten dengan penurunan kadar eksport barangan getah daripada 33.4 peratus pada tahun 1970 kepada hanya 7.5 peratus pada 1985, selari dengan kesan kemelesetan ekonomi global pada dekad tersebut.

### 3. Import dan Eksport

Malaysia terkenal dengan industri getah terutamanya dalam penghasilan produk berasaskan getah seperti sarung tangan perubatan dan komponen automotif. Trend import dan eksport getah asli di Malaysia telah berubah mengikut perkembangan semasa ekonomi dan industri. Namun, sejak beberapa dekad kebelakangan ini, jumlah eksport getah asli semakin menurun disebabkan oleh penurunan pengeluaran domestik akibat saiz ladang yang mengecil, harga pasaran yang tidak stabil dan kekurangan tenaga kerja.


Jumlah kuantiti eksport getah asli Malaysia pada tahun 2023 adalah 578.7 ribu tan metrik. Walaupun begitu, Malaysia masih sebagai negara utama mengeksport produk berasaskan getah yang mempunyai nilai tambah tinggi terutamanya sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Destinasi eksport utama getah terbesar adalah ke negara China (48.2%), diikuti Jerman (9.5%) dan Pakistan (3.0%). Sebaliknya, Malaysia juga mengimport getah asli dari negara lain meliputi Cote D'ivoire (37.8%) dan Thailand (36.9%) bagi memenuhi permintaan industri hiliran tempatan, khususnya kilang-kilang yang menghasilkan barangan getah untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Jumlah kuantiti import getah asli Malaysia pada tahun 2023 adalah 1,002.9 ribu tan metrik.

Carta 5: Kuantiti Import dan Eksport Getah Asli, Malaysia, 2000 - 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

Paparan 31: Negara Utama Import Export



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023


#### 4.0 Cabaran Industri Getah

Industri getah merupakan antara subsektor penting dalam ekonomi negara, khususnya di kawasan luar bandar sebagai sumber pendapatan utama pekebun kecil getah. Namun begitu, dalam beberapa dekad kebelakangan ini, industri ini semakin terjejas akibat ketidakstabilan harga getah di pasaran global. Ketidaktentuan ini telah membawa kesan yang mendalam kepada pelbagai pihak, termasuk penoreh getah, pengusaha ladang, serta ekonomi tempatan dan negara secara keseluruhannya.

Salah satu punca utama ketidakstabilan harga getah adalah perubahan permintaan dan penawaran global. Apabila permintaan getah asli menurun akibat persaingan daripada getah sintetik atau kelembapan ekonomi global, harga getah turut merosot. Tambahan pula, pengeluaran yang tidak seimbang dengan permintaan, sama ada disebabkan oleh faktor cuaca, penyakit tanaman atau lebih pengeluaran, turut memberi tekanan kepada harga. Dalam situasi seperti ini, penoreh getah yang bergantung kepada pendapatan harian menjadi pihak paling terkesan, apabila hasil titik peluh mereka tidak setimpal dengan pendapatan yang diterima.

Ketidakstabilan ini turut menyebabkan pelaburan dalam industri getah menjadi kurang menarik. Ramai pengusaha mula beralih kepada tanaman lain yang lebih menguntungkan seperti kelapa sawit atau durian, selain status tanah bertukar kepada perumahan dan komersil. Melalui Banci Getah Bulanan, DOSM merekodkan dalam tempoh 2015 - 2024, sebanyak 71 estet getah telah bertukar aktiviti atau tutup. Hal ini menyebabkan pengurangan dalam jumlah ladang getah yang aktif serta kekurangan tenaga kerja dalam sektor ini, seterusnya mempercepatkan kemerosotan industri getah.


Paparan 32 : Pertukaran Aktiviti Estet Getah, Malaysia, 2015 - 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan siri masa keluasan bertanam getah di Malaysia telah menunjukkan berlaku penurunan keluasan daripada 1.54 juta hektar tahun 1960 kepada 714. 8 ribu hektar tahun 2023. Impaknya kepada keluasan bertanam yang semakin berkurang menyebabkan pengeluaran getah negara juga mengalami penurunan sehingga mencapai 422 ribu tan metrik pada tahun 2023 berbanding 1.52 ribu tan metrik pada 1980.

Graf 6: Kuantiti Pengeluaran dan Keluasan Bertanam, Malaysia, 1960 - 2023



**5. Kesimpulan**

Akhirnya, kesuraman industri getah ini turut memberi kesan kepada ekonomi negara di mana pendapatan eksport getah berkurangan dan pekerjaan dalam sektor ini mengecil. Walaupun pelbagai inisiatif kerajaan diperkenalkan untuk menstabilkan harga dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil, namun cabaran global seperti perang perdagangan, perubahan iklim, dan ketidaktentuan pasaran tetap menjadi halangan besar. Ketidakstabilan harga getah bukan sekadar isu ekonomi, tetapi turut membawa kesan sosial yang besar kepada komuniti luar bandar.

Meskipun begitu, kerajaan terus memainkan peranan aktif dalam menyokong industri ini menerusi dasar-dasar proaktif dan insentif, khususnya dalam menggalakkan kepelbagaian kegunaan getah termasuk dalam sektor teknologi hijau, bahan binaan serta sektor ekonomi sekunder terutama melibatkan proses penghasilan bahan mentah bagi keperluan keluaran bahan-bahan pengilangan seperti sarung tangan getah dan lain-lain. Pendekatan ini dilihat sebagai langkah penting dalam merangsang kelangsungan dan kemampuan industri getah negara dalam konteks ekonomi global yang semakin mencabar. Menerusi pelbagai usaha strategik serta penerapan teknologi moden, industri getah berpotensi besar untuk kembali menjadi antara penyumbang utama kepada ekonomi negara.

**Penafian**

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

**Rujukan/ Artikel Berkaitan**

Rahmat, H. B., & Mohd Noor, A. (2024). Industri Tanaman Getah di Melaka, 1984-1996 *rubber plantation industry in Melaka, 1984-1996*. SEJARAH, 33(2). <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol33no2.6>

Department of Statistics Malaysia. (2024). *Annual Gross Domestic Product (GDP) 2024*. <https://www.dosm.gov.my>

Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Getah Bulanan, 2023

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

A photograph of a forest with many thin tree trunks. A person wearing a green cap and green clothing is visible on the right side, measuring a tree trunk with a white tape. The text 'JADUAL STATISTIK' is written in white on a green banner that spans across the middle of the image.

# JADUAL STATISTIK



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

**Jadual 1.0: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Negeri, Malaysia, 2023***Table 1.0: Agriculture Holding for Rubber Crop by State, Malaysia, 2023*

Negeri State	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
<b>Malaysia</b>	<b>387,124</b>	<b>99.92</b>	<b>309</b>	<b>0.08</b>	<b>387,433</b>	<b>100.0</b>
Johor	17,219	4.44	36	0.01	17,255	4.45
Kedah	58,275	15.04	69	0.02	58,344	15.06
Kelantan	58,538	15.11	26	0.01	58,564	15.12
Melaka	6,591	1.70	21	0.01	6,612	1.71
Negeri Sembilan	28,753	7.42	31	0.01	28,784	7.43
Pahang	38,722	9.99	40	0.01	38,762	10.00
Pulau Pinang	623	0.16	9	0.00	632	0.16
Perak	29,532	7.62	30	0.01	29,562	7.63
Perlis	4,371	1.13	1	0.00	4,372	1.13
Selangor	4,280	1.10	9	0.00	4,289	1.11
Terengganu	15,334	3.96	9	0.00	15,343	3.96
Sabah	81,237	20.97	13	0.00	81,250	20.97
Sarawak	42,891	11.07	10	0.00	42,901	11.07
W.P. Kuala Lumpur	675	0.17	5	0.00	680	0.18
W.P. Labuan	18	0.00	-	0.00	18	0.00
W.P. Putrajaya	65	0.02	-	0.00	65	0.02

Sumber: Banci Pertanian 2024  
Source: Agriculture Census 2024

**\* Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian

**\* Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State refer to the location where the agricultural holder reside

**Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023***Table 1.1: Agriculture Holding for Rubber Crop by Administrative District, Malaysia, 2023*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
<b>Malaysia</b>	<b>387,124</b>	<b>99.92</b>	<b>309</b>	<b>0.08</b>	<b>387,433</b>	<b>100.0</b>
<b>Johor</b>	<b>17,219</b>	<b>4.44</b>	<b>36</b>	<b>0.01</b>	<b>17,255</b>	<b>4.45</b>
Batu Pahat	514	0.13	4	0.00	518	0.13
Johor Bahru	706	0.18	5	0.00	711	0.18
Kluang	437	0.11	3	0.00	440	0.11
Kota Tinggi	414	0.11	2	0.00	416	0.11
Mersing	695	0.18	1	0.00	696	0.18
Muar	2,281	0.59	6	0.00	2,287	0.59
Pontian	160	0.04	-	-	160	0.04
Segamat	9,534	2.46	12	0.00	9,546	2.46
Kulai	153	0.04	-	-	153	0.04
Tangkak	2,325	0.60	3	0.00	2,328	0.60
<b>Kedah</b>	<b>58,275</b>	<b>15.04</b>	<b>69</b>	<b>0.02</b>	<b>58,344</b>	<b>15.06</b>
Baling	11,177	2.88	9	0.00	11,186	2.89
Bandar Baharu	410	0.11	-	-	410	0.11
Kota Setar	2,748	0.71	7	0.00	2,755	0.71
Kuala Muda	3,222	0.83	16	0.00	3,238	0.84
Kubang Pasu	6,107	1.58	4	0.00	6,111	1.58
Kulim	1,712	0.44	4	0.00	1,716	0.44
Langkawi	826	0.21	-	-	826	0.21
Padang Terap	9,472	2.44	16	0.00	9,488	2.45
Sik	11,303	2.92	5	0.00	11,308	2.92
Yan	297	0.08	-	-	297	0.08
Pendang	7,262	1.87	6	0.00	7,268	1.88
Pokok Sena	3,739	0.97	2	0.00	3,741	0.97
<b>Kelantan</b>	<b>58,538</b>	<b>15.11</b>	<b>26</b>	<b>0.01</b>	<b>58,564</b>	<b>15.12</b>
Bachok	1,049	0.27	-	-	1,049	0.27
Kota Bharu	3,680	0.95	1	0.00	3,681	0.95
Machang	6,146	1.59	3	0.00	6,149	1.59
Pasir Mas	13,815	3.57	-	-	13,815	3.57
Pasir Puteh	2,784	0.72	-	-	2,784	0.72
Tanah Merah	9,400	2.43	2	0.00	9,402	2.43
Tumpat	685	0.18	-	-	685	0.18
Gua Musang	5,752	1.48	5	0.00	5,757	1.49
Kuala Krai	9,865	2.55	13	0.00	9,878	2.55
Jeli	4,277	1.10	2	0.00	4,279	1.10
Jajahan Kecil Lojing	1,085	0.28	-	-	1,085	0.28

**Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)**

*Table 1.1: Agriculture Holding for Rubber Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
<b>Melaka</b>	<b>6,591</b>	<b>1.70</b>	<b>21</b>	<b>0.01</b>	<b>6,612</b>	<b>1.71</b>
Alor Gajah	2,815	0.73	2	0.00	2,817	0.73
Jasin	3,134	0.81	7	0.00	3,141	0.81
Melaka Tengah	642	0.17	12	0.00	654	0.17
<b>Negeri Sembilan</b>	<b>28,753</b>	<b>7.42</b>	<b>31</b>	<b>0.01</b>	<b>28,784</b>	<b>7.43</b>
Jelevu	5,314	1.37	3	0.00	5,317	1.37
Kuala Pilah	4,900	1.26	1	0.00	4,901	1.26
Port Dickson	583	0.15	1	0.00	584	0.15
Rembau	2,134	0.55	3	0.00	2,137	0.55
Seremban	3,522	0.91	7	0.00	3,529	0.91
Tampin	4,485	1.16	5	0.00	4,490	1.16
Jempol	7,815	2.02	11	0.00	7,826	2.02
<b>Pahang</b>	<b>38,722</b>	<b>9.99</b>	<b>40</b>	<b>0.01</b>	<b>38,762</b>	<b>10.00</b>
Bentong	3,724	0.96	6	0.00	3,730	0.96
Cameron Highlands	246	0.06	-	-	246	0.06
Jerantut	3,759	0.97	7	0.00	3,766	0.97
Kuantan	1,147	0.30	1	0.00	1,148	0.30
Lipis	6,055	1.56	7	0.00	6,062	1.56
Pekan	1,663	0.43	-	-	1,663	0.43
Raub	3,998	1.03	2	0.00	4,000	1.03
Temerloh	8,181	2.11	12	0.00	8,193	2.11
Rompin	1,641	0.42	-	-	1,641	0.42
Maran	3,237	0.84	4	0.00	3,241	0.84
Bera	5,071	1.31	1	0.00	5,072	1.31
<b>Pulau Pinang</b>	<b>623</b>	<b>0.16</b>	<b>9</b>	<b>0.00</b>	<b>632</b>	<b>0.16</b>
Seberang Perai Tengah	158	0.04	1	0.00	159	0.04
Seberang Perai Utara	253	0.07	-	-	253	0.07
Seberang Perai Selatan	106	0.03	-	-	106	0.03
Timur Laut	29	0.01	8	0.00	37	0.01
Barat Daya	77	0.02	-	-	77	0.02
<b>Perak</b>	<b>29,532</b>	<b>7.62</b>	<b>30</b>	<b>0.01</b>	<b>29,562</b>	<b>7.63</b>
Batang Padang	2,476	0.64	3	0.00	2,479	0.64
Manjung	563	0.15	-	-	563	0.15
Kinta	1,988	0.51	9	0.00	1,997	0.52
Kerian	50	0.01	-	-	50	0.01
Kuala Kangsar	7,502	1.94	6	0.00	7,508	1.94

**Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)**

*Table 1.1: Agriculture Holding for Rubber Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Larut Dan Matang	1,496	0.39	-	-	1,496	0.39
Hilir Perak	153	0.04	-	-	153	0.04
Hulu Perak	10,831	2.80	12	0.00	10,843	2.80
Perak Tengah	1,036	0.27	-	-	1,036	0.27
Kampar	506	0.13	-	-	506	0.13
Muallim	1,356	0.35	-	-	1,356	0.35
Bagan Datuk	41	0.01	-	-	41	0.01
Selama	1,534	0.40	-	-	1,534	0.40
<b>Perlis</b>	<b>4,371</b>	<b>1.13</b>	<b>1</b>	<b>0.00</b>	<b>4,372</b>	<b>1.13</b>
<b>Selangor</b>	<b>4,280</b>	<b>1.10</b>	<b>9</b>	<b>0.00</b>	<b>4,289</b>	<b>1.11</b>
Gombak	415	0.11	-	-	415	0.11
Klang	278	0.07	2	0.00	280	0.07
Kuala Langat	144	0.04	-	-	144	0.04
Kuala Selangor	194	0.05	-	-	194	0.05
Petaling	505	0.13	3	0.00	508	0.13
Sabak Bernam	21	0.01	-	-	21	0.01
Sepang	266	0.07	-	-	266	0.07
Hulu Langat	1,009	0.26	2	0.00	1,011	0.26
Hulu Selangor	1,448	0.37	2	0.00	1,450	0.37
<b>Terengganu</b>	<b>15,334</b>	<b>3.96</b>	<b>9</b>	<b>0.00</b>	<b>15,343</b>	<b>3.96</b>
Besut	4,790	1.24	2	0.00	4,792	1.24
Dungun	1,061	0.27	-	-	1,061	0.27
Kemaman	1,107	0.29	-	-	1,107	0.29
Kuala Terengganu	945	0.24	-	-	945	0.24
Marang	1,082	0.28	3	0.00	1,085	0.28
Hulu Terengganu	2,486	0.64	3	0.00	2,489	0.64
Setiu	2,945	0.76	-	-	2,945	0.76
Kuala Nerus	918	0.24	1	0.00	919	0.24
<b>Sabah</b>	<b>81,237</b>	<b>20.97</b>	<b>13</b>	<b>0.00</b>	<b>81,250</b>	<b>20.97</b>
Tawau	150	0.04	1	0.00	151	0.04
Lahad Datu	68	0.02	1	0.00	69	0.02
Semporna	79	0.02	-	-	79	0.02
Sandakan	150	0.04	3	0.00	153	0.04
Kinabatangan	271	0.07	-	-	271	0.07
Beluran	1,153	0.30	-	-	1,153	0.30
Kota Kinabalu	899	0.23	4	0.00	903	0.23
Ranau	8,115	2.09	-	-	8,115	2.09
Kota Belud	7,458	1.92	-	-	7,458	1.92
Tuaran	5,350	1.38	1	0.00	5,351	1.38
Penampang	1,098	0.28	-	-	1,098	0.28

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agriculture Holding for Rubber Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Papar	1,514	0.39	-	-	1,514	0.39
Kudat	5,667	1.46	-	-	5,667	1.46
Kota Marudu	9,831	2.54	1	0.00	9,832	2.54
Pitas	5,927	1.53	-	-	5,927	1.53
Beaufort	2,237	0.58	-	-	2,237	0.58
Kuala Penyu	2,491	0.64	1	0.00	2,492	0.64
Sipitang	2,659	0.69	-	-	2,659	0.69
Tenom	6,926	1.79	-	-	6,926	1.79
Nabawan	3,297	0.85	-	-	3,297	0.85
Keningau	9,834	2.54	1	0.00	9,835	2.54
Tambunan	2,839	0.73	-	-	2,839	0.73
Kunak	2	0.00	-	-	2	0.00
Tongod	1,529	0.39	-	-	1,529	0.39
Putatan	37	0.01	-	-	37	0.01
Telupid	630	0.16	-	-	630	0.16
Kalabakan	4	0.00	-	-	4	0.00
Membakut	1,022	0.26	-	-	1,022	0.26
<b>Sarawak</b>	<b>42,891</b>	<b>11.07</b>	<b>10</b>	<b>0.00</b>	<b>42,901</b>	<b>11.07</b>
Kuching	3,249	0.84	6	0.00	3,255	0.84
Bau	28	0.01	-	-	28	0.01
Lundu	200	0.05	-	-	200	0.05
Samarahan	6,437	1.66	-	-	6,437	1.66
Serian	43	0.01	-	-	43	0.01
Simunjan	18	0.00	-	-	18	0.00
Sri Aman	7,588	1.96	-	-	7,588	1.96
Lubok Antu	1,142	0.29	-	-	1,142	0.29
Betong	7,876	2.03	-	-	7,876	2.03
Saratok	267	0.07	-	-	267	0.07
Sarikei	6,542	1.69	-	-	6,542	1.69
Maradong	5	0.00	-	-	5	0.00
Daro	12	0.00	-	-	12	0.00
Julau	18	0.00	-	-	18	0.00
Sibu	2,032	0.52	1	0.00	2,033	0.52
Dalat	13	0.00	-	-	13	0.00
Mukah	110	0.03	-	-	110	0.03
Kanowit	119	0.03	-	-	119	0.03
Bintulu	484	0.12	1	0.00	485	0.13
Tatau	34	0.01	-	-	34	0.01
Kapit	1,039	0.27	-	-	1,039	0.27
Song	52	0.01	-	-	52	0.01
Belaga	108	0.03	-	-	108	0.03
Miri	792	0.20	-	-	792	0.20
Marudi	52	0.01	-	-	52	0.01

**Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)**

*Table 1.1: Agriculture Holding for Rubber Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Limbang	3,661	0.94	-	-	3,661	0.94
Lawas	411	0.11	1	0.00	412	0.11
Matu	8	0.00	-	-	8	0.00
Asajaya	17	0.00	-	-	17	0.00
Pakan	19	0.00	1	0.00	20	0.01
Selangau	38	0.01	-	-	38	0.01
Tebedu	143	0.04	-	-	143	0.04
Pusa	2	0.00	-	-	2	0.00
Kabong	54	0.01	-	-	54	0.01
Tanjung Manis	-	-	-	-	-	-
Sebauh	1	0.00	-	-	1	0.00
Bukit Mabong	4	0.00	-	-	4	0.00
Subis	3	0.00	-	-	3	0.00
Beluru	1	0.00	-	-	1	0.00
Telang Usan	2	0.00	-	-	2	0.00
Gedong	28	0.01	-	-	28	0.01
Sebuyau	67	0.02	-	-	67	0.02
Siburan	78	0.02	-	-	78	0.02
Pantu	91	0.02	-	-	91	0.02
Lingga	3	0.00	-	-	3	0.00
<b>W.P. Kuala Lumpur</b>	<b>675</b>	<b>0.17</b>	<b>5</b>	<b>0.00</b>	<b>680</b>	<b>0.18</b>
<b>W.P. Labuan</b>	<b>18</b>	<b>0.00</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>18</b>	<b>0.00</b>
<b>W.P. Putrajaya</b>	<b>65</b>	<b>0.02</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>65</b>	<b>0.02</b>

Sumber: Banci Pertanian 2024  
Source: Agriculture Census 2024

**\* Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

**\* Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

**Jadual 2.0: Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023**  
*Table 2.0: Agriculture Holding Individual for Rubber Crop by State and Citizenship, Malaysia, 2023*

Negeri State	Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
<b>Malaysia</b>	<b>386,955</b>	<b>99.96</b>	<b>169</b>	<b>0.04</b>
Johor	17,217	4.45	2	0.00
Kedah	58,251	15.05	24	0.01
Kelantan	58,484	15.11	54	0.01
Melaka	6,589	1.70	2	0.00
Negeri Sembilan	28,742	7.42	11	0.00
Pahang	38,715	10.00	7	0.00
Pulau Pinang	623	0.16	-	-
Perak	29,529	7.63	3	0.00
Perlis	4,370	1.13	1	0.00
Selangor	4,279	1.11	1	0.00
Terengganu	15,330	3.96	4	0.00
Sabah	81,182	20.97	55	0.01
Sarawak	42,886	11.08	5	0.00
W.P. Kuala Lumpur	675	0.17	-	-
W.P. Labuan	18	0.00	-	-
W.P. Putrajaya	65	0.02	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024  
 Source: Agriculture Census 2024

**\* Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian

**\* Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State refer to the location where the agricultural holder reside



**Jadual 2.1: Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023**

*Table 2.1: Individual Agriculture Holding for Rubber Crop by Administrative District and Citizenship, Malaysia, 2023*

Daerah Pentadbiran Administrative District	Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
<b>Malaysia</b>	<b>386,955</b>	<b>99.96</b>	<b>169</b>	<b>0.04</b>
<b>Johor</b>	<b>17,217</b>	<b>4.45</b>	<b>2</b>	<b>0.00</b>
Batu Pahat	514	0.13	0	-
Johor Bahru	705	0.18	1	0.00
Kluang	437	0.11	0	-
Kota Tinggi	414	0.11	0	-
Mersing	695	0.18	0	-
Muar	2,281	0.59	0	-
Pontian	160	0.04	0	-
Segamat	9,533	2.46	1	0.00
Kulai	153	0.04	0	-
Tangkak	2,325	0.60	0	-
<b>Kedah</b>	<b>58,251</b>	<b>15.05</b>	<b>24</b>	<b>0.01</b>
Baling	11,176	2.89	1	0.00
Bandar Baharu	410	0.11	0	-
Kota Setar	2,748	0.71	0	-
Kuala Muda	3,221	0.83	1	0.00
Kubang Pasu	6,103	1.58	4	0.00
Kulim	1,712	0.44	0	-
Langkawi	824	0.21	2	0.00
Padang Terap	9,468	2.45	4	0.00
Sik	11,298	2.92	5	0.00
Yan	297	0.08	0	-
Pendang	7,261	1.88	1	0.00
Pokok Sena	3,733	0.96	6	0.00
<b>Kelantan</b>	<b>58,484</b>	<b>15.11</b>	<b>54</b>	<b>0.01</b>
Bachok	1,049	0.27	0	-
Kota Bharu	3,680	0.95	0	-
Machang	6,145	1.59	1	0.00
Pasir Mas	13,810	3.57	5	0.00
Pasir Puteh	2,784	0.72	0	-
Tanah Merah	9,390	2.43	10	0.00
Tumpat	685	0.18	0	-
Gua Musang	5,744	1.48	8	0.00
Kuala Krai	9,837	2.54	28	0.01
Jeli	4,276	1.10	1	0.00
Jajahan Kecil Lojing	1,084	0.28	1	0.00

**Jadual 2.1: Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023 (samb.)**

*Table 2.1: Individual Agriculture Holding for Rubber Crop by Administrative District and Citizenship, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>		Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
<b>Melaka</b>	<b>6,589</b>	<b>1.70</b>	<b>2</b>	<b>0.00</b>
Alor Gajah	2,815	0.73	0	-
Jasin	3,132	0.81	2	0.00
Melaka Tengah	642	0.17	0	-
<b>Negeri Sembilan</b>	<b>28,742</b>	<b>7.42</b>	<b>11</b>	<b>0.00</b>
Jelevu	5,307	1.37	7	0.00
Kuala Pilah	4,900	1.27	0	-
Port Dickson	582	0.15	1	0.00
Rembau	2,134	0.55	0	-
Seremban	3,522	0.91	0	-
Tampin	4,484	1.16	1	0.00
Jempol	7,813	2.02	2	0.00
<b>Pahang</b>	<b>38,715</b>	<b>10.00</b>	<b>7</b>	<b>0.00</b>
Bentong	3,724	0.96	0	-
Cameron Highlands	246	0.06	0	-
Jerantut	3,759	0.97	0	-
Kuantan	1,146	0.30	1	0.00
Lipis	6,053	1.56	2	0.00
Pekan	1,660	0.43	3	0.00
Raub	3,998	1.03	0	-
Temerloh	8,181	2.11	0	-
Rompin	1,641	0.42	0	-
Maran	3,236	0.84	1	0.00
Bera	5,071	1.31	0	-
<b>Pulau Pinang</b>	<b>623</b>	<b>0.16</b>	<b>0</b>	<b>-</b>
Seberang Perai Tengah	158	0.04	0	-
Seberang Perai Utara	253	0.07	0	-
Seberang Perai Selatan	106	0.03	0	-
Timur Laut	29	0.01	0	-
Barat Daya	77	0.02	0	-
<b>Perak</b>	<b>29,529</b>	<b>7.63</b>	<b>3</b>	<b>0.00</b>
Batang Padang	2,475	0.64	1	0.00
Manjung	563	0.15	0	-
Kinta	1,988	0.51	0	-
Kerian	50	0.01	0	-
Kuala Kangsar	7,502	1.94	0	-

**Jadual 2.1: Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023 (samb.)**

Table 2.1: Individual Agriculture Holding for Rubber Crop by Administrative District and Citizenship, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran Administrative District	Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Larut Dan Matang	1,496	0.39	0	-
Hilir Perak	153	0.04	0	-
Hulu Perak	10,829	2.80	2	0.00
Perak Tengah	1,036	0.27	0	-
Kampar	506	0.13	0	-
Muallim	1,356	0.35	0	-
Bagan Datuk	41	0.01	0	-
Selama	1,534	0.40	0	-
<b>Perlis</b>	<b>4,370</b>	<b>1.13</b>	<b>1</b>	<b>0.00</b>
<b>Selangor</b>	<b>4,279</b>	<b>1.11</b>	<b>1</b>	<b>0.00</b>
Gombak	415	0.11	0	-
Klang	278	0.07	0	-
Kuala Langat	144	0.04	0	-
Kuala Selangor	194	0.05	0	-
Petaling	505	0.13	0	-
Sabak Bernam	21	0.01	0	-
Sepang	265	0.07	1	0.00
Hulu Langat	1,009	0.26	0	-
Hulu Selangor	1,448	0.37	0	-
<b>Terengganu</b>	<b>15,330</b>	<b>3.96</b>	<b>4</b>	<b>0.00</b>
Besut	4,787	1.24	3	0.00
Dungun	1,061	0.27	0	-
Kemaman	1,107	0.29	0	-
Kuala Terengganu	945	0.24	0	-
Marang	1,082	0.28	0	-
Hulu Terengganu	2,486	0.64	0	-
Setiu	2,944	0.76	1	0.00
Kuala Nerus	918	0.24	0	-
<b>Sabah</b>	<b>81,182</b>	<b>20.97</b>	<b>55</b>	<b>0.01</b>
Tawau	150	0.04	0	-
Lahad Datu	68	0.02	0	-
Semporna	79	0.02	0	-
Sandakan	148	0.04	2	0.00
Kinabatangan	270	0.07	1	0.00
Beluran	1,150	0.30	3	0.00
Kota Kinabalu	898	0.23	1	0.00
Ranau	8,112	2.10	3	0.00
Kota Belud	7,457	1.93	1	0.00
Tuaran	5,350	1.38	0	-
Penampang	1,096	0.28	2	0.00

**Jadual 2.1: Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023 (samb.)**

Table 2.1: Individual Agriculture Holding for Rubber Crop by Administrative District and Citizenship, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran Administrative District	Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Papar	1,512	0.39	2	0.00
Kudat	5,664	1.46	3	0.00
Kota Marudu	9,825	2.54	6	0.00
Pitas	5,916	1.53	11	0.00
Beaufort	2,236	0.58	1	0.00
Kuala Penyu	2,489	0.64	2	0.00
Sipitang	2,659	0.69	0	-
Tenom	6,922	1.79	4	0.00
Nabawan	3,297	0.85	0	-
Keningau	9,826	2.54	8	0.00
Tambunan	2,839	0.73	0	-
Kunak	2	0.00	0	-
Tongod	1,525	0.39	4	0.00
Putatan	37	0.01	0	-
Telupid	629	0.16	1	0.00
Kalabakan	4	0.00	0	-
Membakut	1,022	0.26	0	-
<b>Sarawak</b>	<b>42,886</b>	<b>11.08</b>	<b>5</b>	<b>0.00</b>
Kuching	3,249	0.84	0	-
Bau	28	0.01	0	-
Lundu	200	0.05	0	-
Samarahan	6,437	1.66	0	-
Serian	43	0.01	0	-
Simunjan	18	0.00	0	-
Sri Aman	7,588	1.96	0	-
Lubok Antu	1,142	0.29	0	-
Betong	7,876	2.03	0	-
Saratok	267	0.07	0	-
Sarikei	6,542	1.69	0	-
Maradong	5	0.00	0	-
Daro	12	0.00	0	-
Julau	18	0.00	0	-
Sibu	2,032	0.52	0	-
Dalat	13	0.00	0	-
Mukah	110	0.03	0	-
Kanowit	119	0.03	0	-
Bintulu	484	0.13	0	-
Tatau	34	0.01	0	-
Kapit	1,039	0.27	0	-
Song	52	0.01	0	-
Belaga	108	0.03	0	-
Miri	792	0.20	0	-
Marudi	52	0.01	0	-

**Jadual 2.1: Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023 (samb.)**

Table 2.1: Individual Agriculture Holding for Rubber Crop by Administrative District and Citizenship, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran Administrative District	Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Limbang	3,661	0.95	0	-
Lawas	407	0.11	4	0.00
Matu	8	0.00	0	-
Asajaya	17	0.00	0	-
Pakan	19	0.00	0	-
Selangau	38	0.01	0	-
Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan etnik adalah berasaskan klasifikasi seperti berikut:

Warganegara Malaysia
Bumiputera
Cina
India
Lain-lain

Maklumat kumpulan etnik termasuk kewarganegaraan yang dikutip semasa banci adalah berdasarkan kepada jawapan responden dan tidak merujuk kepada sebarang dokumen rasmi.

**24. KUMPULAN UMUR**

Umur adalah berdasarkan hari lahir terakhir pada hari lawatan. Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan umur adalah seperti berikut:

- i. 15 – 30 tahun;
- ii. 31 – 45 tahun;
- iii. 46 – 59 tahun; dan
- iv. 60 tahun dan ke atas.

## 25. SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Individu dikategorikan mengikut tahap kelayakan tertinggi kepada empat peringkat iaitu Tertiari, Menengah, Rendah dan Tiada Sijil. Tahap Tertiari melibatkan pemegang ijazah kedoktoran (PhD), ijazah, diploma lanjutan, serta sijil kemahiran teknikal (TVET) dari institusi diiktiraf. Tahap Menengah merangkumi mereka yang memiliki STPM atau SPM/ SPM(V) atau setaraf. Tahap Rendah pula terdiri daripada individu dengan kelulusan di bawah SPM, manakala Tiada Sijil merujuk kepada mereka tanpa sebarang kelulusan rasmi. Sijil tertinggi diperoleh merujuk kepada sijil pendidikan tertinggi diperoleh seperti berikut:

### i. Doktor Falsafah (PhD)

Merujuk kepada ijazah kedoktoran yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.

### ii. Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana

Merujuk kepada Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lanjutan, Diploma/ Sijil Pasca Ijazah, Diploma/ Sijil daripada badan profesional atau yang setaraf dengannya yang diperoleh dari IPTA dan IPTS di dalam dan luar negara yang diiktiraf. Contoh, Diploma lanjutan, Diploma Sebaran Am dan kelulusan setaraf dengan ijazah seperti:

- a. Diploma/ sijil pasca ijazah; dan
- b. Diploma/ sijil dari badan professional.

### iii. Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf

Merujuk kepada diploma yang diperoleh dari politeknik, universiti, kolej atau yang setaraf. Contoh: Diploma Kejururawatan, Diploma Perguruan, Diploma Kesihatan Bersekutu, Diploma Perancang Bandar dan Ukur, Diploma Senibina, Diploma Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Diploma Pengajian Perniagaan.

### iv. Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

Merujuk kepada Diploma atau Diploma Lanjutan atau *Higher National Diploma (HND)* bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 3 dan 4). Contoh, Diploma atau Diploma Lanjutan atau HND bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), *Advanced Technology Training Centre (ADTEC)*, *State Skill Development Centre* (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain) dan kolej swasta yang berkenaan.

**v. Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-Badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf**

Merujuk kepada sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti, kolej, badan yang memberi pengiktirafan contoh, *Construction Industry Development Board (CIDB)* atau yang setaraf. Contoh sijil, Sijil Kejururawatan, Sijil Perguruan, Sijil Kesihatan Bersekutu, Sijil Perancang Bandar dan Ukur, Sijil Senibina, Sijil Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Sijil Pengajian Perniagaan.

**vi. Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET)**

Merujuk kepada sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/Jabatan Pembangunan Kemahiran (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Institut Pertanian, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 2). Contoh, sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Pertanian, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, *State Skill Development Centre*. Contoh, TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain atau kolej swasta yang berkenaan. Kategori ini tidak termasuk sijil yang diperoleh daripada GIAT MARA, politeknik, universiti atau yang setaraf.

**vii. Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf**

Merujuk kepada sijil yang dikeluarkan oleh Kolej Komuniti, Politeknik, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara, Kolej Swasta serta agensi lain yang mengkhusus kepada Pendidikan dan TVET.

**viii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ SPM (V) atau yang setaraf**

Merujuk kepada kelayakan SPM/ SPM(V)/ MCE atau peperiksaan setaraf dengannya seperti GCE 'O' Level.

**ix. Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V)**

Merujuk kepada kelayakan seperti PMR/ SRP/ LCE, tamat sekolah rendah atau di bawah taraf kelulusan yang dinyatakan.

**x. Tiada sijil**

Tiada sijil yang diperoleh.

**26. PRODUKTIVITI TANAMAN**

Produktiviti tanaman ditakrifkan sebagai hasil tuaian tanaman bagi setiap unit keluasan tanah yang diusahakan.

**27. SIMBOL DAN SINGKATAN**

-	:	tiada data
0	:	nilai kurang daripada 0.5
0.0	:	nilai kurang daripada 0.05
≠	:	tidak sama dengan
n.a.	:	tidak berkenaan
&	:	dan
%	:	peratus
dll	:	dan lain-lain
RM	:	Ringgit Malaysia
t.t.t.l	:	tidak terkelas di tempat lain
W.P.	:	Wilayah Persekutuan
ha	:	hektar
kg	:	kilogram
mm	:	milimeter
cm	:	sentimeter
m <sup>2</sup>	:	meter persegi
m <sup>3</sup>	:	meter padu
mt	:	tan metrik
samb.	:	sambungan
NGO	:	Badan Bukan Kerajaan
BP	:	Blok Penghitungan
CIDB	:	<i>Construction Industry Development Board</i>
DB	:	Daerah Banci
DP	:	Daerah Pentadbiran
ROS	:	Daftar Perniagaan
ROC	:	Daftar Syarikat
TVET	:	Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal
PhD	:	Doktor Falsafah
LGM	:	Lembaga Getah Malaysia
FELDA	:	<i>The Federal Land Development Authority</i>

FELCRA	:	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan
FAO	:	<i>Food and Agriculture Organization of the United Nations</i>
HND	:	<i>Higher National Diploma</i>
IPTA	:	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	:	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IKTBN	:	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
DOSM	:	Jabatan Perangkaan Malaysia
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPK	:	Kementerian Perladangan dan Komoditi
KPKM	:	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KKTM	:	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KWSP	:	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LHDN	:	Lembaga Hasil Dalam Negeri
CHE	:	Luas Bertanam Tanaman Setara
MARA	:	Majlis Amanah Rakyat
MSAR	:	<i>Malaysia Statistical Address Register</i>
MSBR	:	<i>Malaysia Statistical Business Register</i>
PAPI	:	<i>Paper and Pen Interview</i>
PD	:	Penguasa Daerah
PLB	:	Penilaian Liputan Banci
PP	:	Penolong Pesuruhjaya
LLP	:	Perkongsian Liabiliti Terhad
PERKESO	:	Pertubuhan Keselamatan Sosial
MSIC	:	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
PBT	:	Pihak Berkuasa Tempatan
PMR	:	Penilaian Menengah Rendah
ROS	:	<i>Registrar of Societies</i>
RISDA	:	<i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
QC	:	Semakan Kualiti
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	:	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

SKM	:	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SSM	:	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TK	:	Tempat Kediaman
TP	:	Timbalan Pesuruhjaya
UNSD	:	<i>United Nations Statistics Division</i>



# PENGHARGAAN







KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



# PENGHARGAAN

## TASK FORCE ANALISIS DATA CUBE GETAH

Encik Zainol Bin Jamil

Pengarah Bahagian Perangkaan  
Pertanian & Alam Sekitar

Cik Azura Binti Arzemi

Ketua Penolong Pengarah

Encik Mohamad Faizul Ezwan bin Abdul Razak

Penolong Pengarah

Encik Mohd Mursyidi bin Mahayuddin

Penolong Pegawai Perangkaan

Gs. Dr. Azizul bin Ahmad

Personel MyStep

Cik Nur Ain binti Che Mat Ali

Personel MyStep

Gs. Dr. Nur Afiqah binti Ariffin

Personel MyStep

Dr. Yaniza Shaira binti Zakaria

Personel MyStep

## EDITOR

Puan Salmiah Binti Ponggot

Timbalan Pengarah Biro Statistik Buruh  
Malaysia

## DOSM NEGERI

Encik Muhammad Amri Idris

Pengarah DOSM Sabah

Encik Mod Ridaudin Masud

Pengarah DOSM Perak

Puan Siti Zakiah Muhamad Isa

Pengarah DOSM Wilayah Persekutuan

Puan Dayang Rozana Abang Hassan

Pengarah DOSM Sarawak

Puan Hartini Yaacob

Pengarah DOSM Selangor

Encik Khairolnizam Hassan

Pengarah DOSM Pulau Pinang

Encik Mohd Suhaimi Mod Rashid

Pengarah DOSM Johor

Encik Razaman Ridzuan

Pengarah DOSM Pahang

Encik Mohd Sawal Shakimon

Pengarah DOSM Negeri Sembilan

Puan Marlina Sahul Hamid

Pengarah DOSM Terengganu

Puan Nadia Marzuki

Pengarah DOSM Kedah

Encik Mohd Shahrill Abdul Rashid

Pengarah DOSM Kelantan

Encik Azmi Ali

Pengarah DOSM Melaka

Encik Hamka Ismail

Pengarah DOSM Perlis

Warga DOSM Negeri





KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



# PENGHARGAAN

## KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

### LEMBAGA GETAH MALAYSIA

Encik Wan Ahmad Asmady Bin Wan Md Din

Timbalan Ketua Pengarah Dasar & Operasi

Encik Hairul Irwan Bin Jamaluddin

Pengarah Bahagian Ekonomi, Perlesenan dan Penguatkuasaan (BEPP)

Puan Zaiton Binti Muhammad

Pegawai Menanggung Tugas Ketua Unit Perancangan Ekonomi

Encik Embong bin Abdul Ghani

Pegawai Tadbir Unit Perancangan Ekonomi (UPE)

### RISDA

Encik Mohamad Asmizi Bin Alias

Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik

Encik William Chin

Ketua Penolong Pengarah

Encik Muhammad Amir bin Azahari

Penolong Pengarah



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



# LAMPIRAN

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
011	<b>Penanaman tanaman tidak kekal</b>		
	01111	Penanaman jagung manis	01111
	01112	Penanaman tanaman kekacang	01112
	01113	Penanaman kacang tanah	01113
	01119	Penanaman bijian berminyak dan bijirin lain t.t.t.l	01113
	01120	Penanaman padi	01120
	01131	Penanaman sawi	01131
	01132	Penanaman bayam	01132
	01133	Penanaman tembikai	01133
	01134	Penanaman cendawan dan truffles	01134
	01135	Penanaman timun	01135
	01136	Penanaman terung	01136
	01137	Penanaman kobis	01137
	01138	Penanaman tomato	01138
	01139	Penanaman sayur-sayuran dan ubi lain t.t.t.l	-
	01140	Penanaman tebu	01140
	01150	Penanaman tembakau	01150
	01161	Penanaman kenaf	-
	01169	Penanaman tanaman berserat lain t.t.t.l	-
	01191	Penanaman bunga	01191
	01192	Penanaman biji benih bungaan	01192
	01193	Penanaman sagu (rumbia)	01193
	01194	Penanaman tumbuhan untuk makanan ternakan	-
	01195	Penanaman pengeluaran keratan bunga dan kudup bunga	-
	01199	Penanaman tanaman bukan kekal lain t.t.t.l.	01199
012	<b>Penanaman tanaman kekal</b>		
	01210	Penanaman anggur	01210



Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	01221	<b>Penanaman pisang</b>	01221
	01222	<b>Penanaman mangga</b>	01222
	01223	<b>Penanaman durian</b>	01223
	01224	<b>Penanaman rambutan</b>	01224
	01225	<b>Penanaman belimbing</b>	01225
	01226	<b>Penanaman betik</b>	01226
	01227	<b>Penanaman nanas</b>	01227
	01228	<b>Penanaman buah naga</b>	01228
	01229	<b>Penanaman buah-buahan tropika dan subtropika lain t.t.t.l.</b>	01229
	01231	<b>Penanaman limau bali</b>	01231
	01232	<b>Penanaman lemon</b>	01232
	01233	<b>Penanaman limau manis (buah)</b>	01233
	01234	<b>Penanaman limau (rempah)</b>	-
	01239	<b>Penanaman buah-buahan sitrus lain t.t.t.l.</b>	01239
	01241	<b>Penanaman jambu batu</b>	01241
	01249	<b>Penanaman buah-buahan delima dan berbiji lain t.t.t.l.</b>	01249
	01251	<b>Penanaman buah strawberi</b>	01251
	01252	<b>Penanaman buah beri lain</b>	01252
	01253	<b>Penanaman kekacang yang boleh dimakan</b>	01253
	01254	<b>Penanaman biji benih buah-buahan</b>	01254
	01261	<b>Penanaman kelapa sawit (estet)</b>	01261
	01262	<b>Penanaman kelapa sawit (kebun kecil)</b>	01262
	01263	<b>Penanaman kelapa (estet dan kebun kecil)</b>	01263
	01269	<b>Penanaman buah-buahan lain untuk minyak t.t.t.l.</b>	01269
	01271	<b>Penanaman kopi</b>	01271
	01272	<b>Penanaman teh</b>	01272
	01273	<b>Penanaman koko</b>	01273
	01279	<b>Penanaman tanaman minuman lain t.t.t.l</b>	01279

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	01281	Penanaman lada hitam ( <i>piper nigrum</i> )	01281
	01282	Penanaman cili dan lada ( <i>lada benggala spp.</i> )	01282
	01283	Penanaman pokok serai	01283
	01284	Penanaman halia	01284
	01285	Penanaman tanaman yang digunakan terutamanya untuk penghasilan minyak wangi, untuk farmasi atau untuk racun serangga, kulat atau untuk tujuan yang seumpamanya	01285
	01286	Penanaman pokok petai	-
	01287	Penanaman sacha inchi	-
	01288	Penanaman ketum	-
	01289	Penanaman tanaman rempah ratus dan aromatik lain t.t.t.l.	01289
	01291	Penanaman pokok getah ( <i>estet</i> )	01291
	01292	Penanaman pokok getah ( <i>kebun kecil</i> )	01292
	01293	Penanaman pokok untuk pengekstrakan sap	01293
	01294	Penanaman pokok nipah	01294
	01295	Penanaman pokok pinang	01295
	01296	Penanaman pokok roselle	01296
	01299	Penanaman tanaman kekal lain t.t.t.l.	01299
013	<b>Pembiakan tumbuhan</b>		
	01301	Penanaman tumbuhan sebagai tanaman	01301
	01302	Penanaman tumbuhan untuk tujuan hiasan	01302
	01303	Penanaman tumbuhan untuk bebawang, ubi dan akar; keratan dan slips; cendawan	01303
	01304	Operasi tapak semaian pokok ( <i>nurseries</i> )	01304
014	<b>Pengeluaran ternakan</b>		
	01411	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran lembu	01411
	01412	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran kerbau	01412
	01413	Pengeluaran susu segar daripada lembu atau kerbau	01413
	01420	Penternakan dan pembiakan kuda, keldai, baghal atau <i>hinnes</i>	01420



Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
01430	Penternakan dan pembiakan unta ( <i>dromedary</i> ) dan camelid		01430
01441	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran kambing		01441
01442	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran biri-biri		01442
01443	Pengeluaran susu segar kambing atau biri-biri		01443
01444	Pengeluaran bulu belum proses		01443
01450	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran babi		01450
01461	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran ayam pedaging		01461
01462	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran ayam penelur		01462
01463	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran itik		01463
01464	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran burung puyuh		01464
01465	Penternakan dan pembiakan unggas lain t.t.t.l.		01465
01466	Pengeluaran telur ayam		01466
01467	Pengeluaran telur itik		01467
01468	Pengeluaran telur unggas lain t.t.t.l.		01468
01469	Operasi penetasan unggas		01469
01491	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran arnab		01491
01492	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran burung		01492
01493	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran siput, ulat dan cacing		01493
01494	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran serangga		01494
01495	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran hasil madu (Apikultur dan Meliponikultur)		01495
01496	Penternakan dan pembiakan haiwan peliharaan		01496
01497	Penternakan dan pembiakan burung walet		01497
01498	Pengeluaran kulit berbulu, kulit burung atau reptilia dari operasi ladang ternakan		01492
01499	Penternakan pelbagai/haiwan lain t.t.t.l.		01499
<b>015</b>	<b>Pertanian campuran</b>		
01501	Pertanian campuran (tanaman, ternakan dan perikanan)		-
01502	Pertanian campuran (tanaman dan ternakan)		-

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	01503	Pertanian campuran (tanaman dan perikanan)	-
	01504	Pertanian campuran (ternakan dan perikanan)	-
<b>016</b>	<b>Aktiviti sokongan pertanian dan aktiviti tanaman selepas tuaian</b>		
	01611	Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan landskap nurseri	-
	01612	Aktiviti perkhidmatan penanaman dan penuaian	-
	01613	Aktiviti perkhidmatan merumput dan kawalan Lalang	-
	01614	Aktiviti perkhidmatan menebang dan membersihkan tanah	-
	01615	Aktiviti perkhidmatan merawat dan mengawal penyakit	-
	01616	Aktiviti perkhidmatan menyelenggara infrastruktur	-
	01617	Aktiviti perkhidmatan menyelenggara tempat/ peralatan jentera dan kelengkapan untuk penanaman	-
	01621	Aktiviti merawat dan mengawal penyakit	-
	01622	Penyelenggaraan infrastruktur	-
	01623	Penyelenggaraan kawasan dan peralatan ternakan	-
	01629	Aktiviti sokongan ternakan lain t.t.t.l.	-
	01631	Penyediaan tanaman untuk pasaran utama	01631
	01632	Penyediaan daun tembakau	01632
	01633	Penyediaan biji koko	01633
	01634	Menjemur sayur-sayuran dan buah-buahan	01634
	01639	Aktiviti tanaman selepas tuaian lain t.t.t.l.	-
	01640	Pemprosesan benih untuk pembiakan	01640
<b>017</b>	<b>Pemburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan</b>		
	01701	Pemburuan dan penjeratan haiwan secara komersial	01701
	01702	Penangkapan haiwan (hidup atau mati)	01702
<b>021</b>	<b>Silvikultur dan aktiviti perhutanan lain</b>		
	02101	Silvikultur, restorasi dan pemuliharaan hutan darat.	02101
	02102	Silvikultur, restorasi dan pemuliharaan hutan paya bakau serta persisiran pantai	02102
	02103	Silvikultur, restorasi dan pemuliharaan hutan paya gambut	02103

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	02104	Bekalan sumber bahan tanaman perhutanan	02104
	02105	Operasi tapak semaian pokok hutan dan pokok ladang hutan	02105
	02106	Pengumpulan maklumat bagi kawasan pemeliharaan hutan asli	-
	02107	Ladang hutan	02105
	02109	Silvikultur, restorasi, pemuliharaan hutan dan aktiviti perhutanan lain t.t.t.l	-
<b>022</b>	<b>Pembalakan</b>		
	02201	Pengusahaan hutan darat asli secara berkekalan ( <i>selective management system</i> )	02201
	02202	Pengusahaan hutan paya laut	02202
	02203	Pengusahaan hutan paya gambut	02203
	02204	Pengusahaan hutan bagi tujuan pembangunan	02204
	02205	Penjarangan dan pengusahaan akhir bagi ladang hutan	-
	02206	Pengusahaan dan pemindahan kayu dari luar kawasan hutan simpan kekal	-
	02209	Pengusahaan lain t.t.t.l	-
<b>023</b>	<b>Pengumpulan produk hutan bukan kayu</b>		
	02301	Pengusahaan dan pengeluaran rotan dan buluh	02301
	02302	Pengusahaan dan pengeluaran sarang burung	02302
	02303	Pengusahaan dan pengeluaran pokok sagu liar	02303
	02304	Pengusahaan dan pengeluaran gaharu	-
	02305	Pengusahaan dan pengeluaran buah-buahan hutan	-
	02306	Pengusahaan dan pengeluaran herba dan tumbuhan ubatan	-
	02307	Pengusahaan dan pengeluaran madu lebah	-
	02309	Pengusahaan, pengumpulan dan pengeluaran hutan bukan kayu lain t.t.t.l	02309
<b>024</b>	<b>Perkhidmatan sokongan perhutanan</b>		
	02401	Menjalankan aktiviti perkhidmatan penyediaan dokumen yang berkaitan dalam operasi perhutanan dan ladang	02401
	02402	Binaan dan penyelenggaraan infrastruktur dalam hutan simpan kekal (jambatan, jalan sementara dll.)	02402

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	02403	Operasi bancian pokok (sebelum/selepas tebangan, penandaan pokok)	-
	02404	Perkhidmatan jentera, peralatan dan kelengkapan pengusahasilan dalam kawasan hutan	-
	02409	Lain-lain perkhidmatan sokongan perhutanan t.t.t.l	-
<b>031</b>	<b>Perikanan</b>		
	03111	Perikanan komersil di laut dan perairan pantai	03111
	03112	Pemungutan ketam di laut	03112
	03113	Pemungutan sotong di laut	03113
	03114	Pemungutan udang di laut	03114
	03115	Pemungutan kerang-kerangan di laut	03115
	03116	Pemungutan haiwan dan organisma akuatik di laut	-
	03117	Pemungutan ikan hiasan di laut	-
	03119	Perikanan laut lain t.t.t.l	03119
	03121	Perikanan komersil di darat	03121
	03122	Pemungutan ketam air tawar	03122
	03123	Pemungutan udang air tawar	03123
	03124	Pemungutan kerang-kerangan air tawar	03124
	03125	Pemungutan haiwan dan organisma akuatik air tawar	-
	03126	Pemungutan ikan hiasan air tawar	-
	03129	Perikanan air tawar lain t.t.t.l	03129
<b>032</b>	<b>Akuakultur</b>		
	03211	Ternakan ikan di laut	03211
	03212	Ternakan ketam laut	03212
	03213	Ternakan udang laut	03213
	03214	Ternakan kerang-kerangan laut	03214
	03215	Ternakan haiwan dan organisma akuatik laut	03215
	03216	Ternakan ikan hiasan	03216
	03217	Operasi penetasan anak benih (laut)	03217
	03218	Ternakan rumpai laut	03218

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
	03219	Ternakan akuakultur laut lain t.t.t.l	03219
	03221	Ternakan ikan air tawar	03221
	03222	Ternakan udang air tawar	03222
	03223	Ternakan kerang-kerangan air tawar	03223
	03224	Ternakan ikan hiasan air tawar	03224
	03225	Ternakan reptilia dan amfibia	03225
	03226	Operasi penetasan anak benih (air tawar)	03224
	03229	Akuakultur air tawar lain t.t.t.l	03229
033	TBA		
	03301	Aktiviti atas vessel yang melibatkan penangkapan, pemprosesan dan pengawetan	-
	03302	Penyelenggaraan vesel perikanan, kapal	-
	03309	Menjalankan sebahagian aktiviti sokongan perikanan lain t.t.t.l	-
	03311	Penyelenggaraan tempat dan peralatan akuakultur	-
	03312	Operasi kolam ikan	-
	03319	Menjalankan sebahagian aktiviti sokongan akuakultur lain t.t.t.l	-
701	Aktiviti ibu pejabat		
	70101	Aktiviti ibu pejabat tanaman	70100
	70102	Aktiviti pengurusan ladang (tanaman)	70100
	70103	Aktiviti ibu pejabat ternakan	70100
	70104	Aktiviti pengurusan ladang (ternakan)	70100
	70105	Aktiviti ibu pejabat pembalakan dan perhutanan	70100
	70106	Aktiviti pengurusan ladang (pembalakan dan perhutanan)	70100
	70107	Aktiviti ibu pejabat perikanan	70100
	70108	Aktiviti pengurusan ladang (perikanan)	70100

## UMUM

ISTILAH	DEFINISI
Kewarganegaraan	Kewarganegaraan ialah keanggotaan sah seseorang individu dalam sesebuah negara yang membolehkannya menikmati hak-hak tertentu seperti perlindungan undang-undang, hak untuk mengundi, dan akses kepada kemudahan awam, serta menanggung kewajipan seperti mematuhi undang-undang, membayar cukai dan mempertahankan negara jika diperlukan. Kewarganegaraan Malaysia merujuk kepada penduduk yang bermastautin di Malaysia. Kriteria untuk kewarganegaraan Malaysia ditentukan dalam Peraturan Kewarganegaraan Malaysia 1964.
Taraf perkahwinan	<p>Taraf perkahwinan ialah status individu berdasarkan keadaan perkahwinannya yang diiktiraf oleh undang-undang, sama ada individu tersebut belum pernah berkahwin, sedang berkahwin, telah bercerai, atau kematian pasangan. Status ini penting dalam pelbagai urusan seperti pentadbiran, perundangan, permohonan rasmi dan dokumentasi peribadi. Taraf perkahwinan merujuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tidak pernah berkahwin</li> <li>ii. Berkahwin</li> <li>iii. Balu/Duda</li> <li>iv. Bercerai/ Berpisah</li> </ol>
Sijil Tertinggi diperoleh	<p>Sijil tertinggi diperoleh ialah tahap pencapaian atau pendidikan formal paling tinggi yang dimiliki oleh seseorang, sama ada dalam bentuk sijil, diploma, ijazah, atau kelayakan setaraf yang diiktiraf oleh badan yang sah. Ia menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran, atau kelayakan seseorang dalam sesuatu bidang.</p> <p>Empat pengkelasan sijil tertinggi diperoleh adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada sijil</li> <li>ii. Rendah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V)</li> </ul> </li> <li>iii. Menengah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ SPM (V) atau yang setaraf</li> <li>• Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf</li> </ul> </li> <li>iv. Tertiari <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET)</li> <li>• Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-Badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf</li> <li>• Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET)</li> <li>• Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf</li> <li>• Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana</li> <li>• Doktor Falsafah (PhD)</li> </ul> </li> </ol>



**SEKTOR PERTANIAN**

ISTILAH	DEFINISI
Sektor Pertanian	Merangkumi semua aktiviti ekonomi berkaitan tanaman, penternakan, perikanan dan perhutanan & pembalakan bagi pengeluaran makanan, bahan mentah dan produk lain.
Pegangan Pertanian	Pegangan Pertanian secara ideal ditakrifkan sebagai satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal untuk tujuan pengeluaran pertanian tanpa mengambil kira hak milik, taraf sah atau saiz tanah. Pegangan Pertanian terdiri daripada dua (2) kategori iaitu Individu dan Pertubuhan Perniagaan. Maklumat untuk profil pegangan pertanian merujuk kepada lokasi tempat kediaman atau lokasi pertubuhan perniagaan.
Hasil Pertanian	Output daripada aktiviti sektor pertanian termasuk tanaman, ternakan, hasil perikanan dan hutan.
Input Pertanian	Sumber yang digunakan dalam proses pengeluaran pertanian seperti benih, baja, racun perosak, air, dan tenaga kerja.

**SUBSEKTOR: TANAMAN**

ISTILAH	DEFINISI
Tanaman Agromakanan	Tanaman yang dihasilkan untuk tujuan pemakanan seperti padi, jagung, sayur-sayuran dan buah-buahan.
Tanaman Agrokomoditi	Tanaman yang ditanam untuk tujuan komersial seperti kelapa sawit, getah, koko dan teh.
Kawasan Bertanam	Luas kawasan yang digunakan untuk penanaman sesuatu jenis tanaman.
Hasil Tanaman	Jumlah pengeluaran tanaman dalam satu musim atau tahun tertentu.
Mekanisasi Pertanian	Penggunaan mesin dalam pelbagai operasi penanaman seperti membajak, menuai dan menyembur racun.
Pertanian Bandar	Aktiviti penanaman yang dijalankan di kawasan bandar seperti tanaman sayur dalam pasu atau sistem hidroponik.

**TANAMAN GETAH**

ISTILAH	DEFINISI
Pekebun Kecil Getah	<p>Akta RISDA Perusahaan Getah 1972 (sebagaimana pada 1 Nov. 2016) merujuk pemunya atau penduduk sah mana-mana tanah yang jumlah keluasannya kurang daripada 40 hektar, wakil sah pemunya atau wakil sah penduduk.</p> <p>Lembaga Getah Malaysia merujuk seseorang yang memiliki atau mengendalikan satu ladang getah atau lebih dalam suatu negeri yang jumlah keseluruhannya tidak melebihi 40 hektar dan mana-mana pekebun kecil yang menjual getah perlu memiliki PAT-G yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan LGM.</p>

ISTILAH	DEFINISI
Estet Getah	<p>Akta RISDA Perusahaan Getah 1972 (sebagaimana pada 1 Nov. 2016) merujuk mana-mana tanah yang jumlah keluasannya tidak kurang daripada 40 hektar yang dimasukkan dalam suatu Skim yang ditetapkan dan yang berhubungan dengannya pemunya tanah itu berterusan menyertai Skim itu sepanjang tempohnya.</p> <p>Lembaga Getah Malaysia merujuk satu ladang getah keluasannya melebihi 40 hektar selaras dengan Garis Panduan Permohonan Lesen dan Permit LGM yang berkuatkuasa. Pertimbangan boleh diberikan kepada mana-mana estet yang mempunyai keluasan ladang tidak melebihi 40 hektar dan tidak layak memiliki Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G).</p>
Getah	<p>Akta RISDA Perusahaan Getah 1972 (sebagaimana pada 1 Nov. 2016) merujuk segala getah asli dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang didapati daripada tumbuhan getah dan termasuklah segala elastomer yang didapati daripada getah asli.</p> <p>Akta 551 LGM merujuk segala getah asli dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang diterbitkan daripada apa-apa tumbuhan yang menghasilkan lateks dan getah tiruan dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang diterbitkan daripada keluaran petrokimia dan termasuklah segala elastomer yang diterbitkan daripada getah asli atau getah tiruan atau kedua-duanya.</p>
Getah Bekuan Ladang	Getah Bekuan Ladang merupakan bekuan getah asli yang diperolehi daripada penggumpalan susu getah (lateks) menggunakan asid atau secara semula jadi di dalam cawan getah atau bekas lain yang sesuai. Ia juga dikenali sebagai getah sekerap atau cuplump.
Lateks	Lateks merujuk kepada cecair berwarna putih yang terhasil daripada torehan pada batang pokok getah ( <i>Hevea Brasiliensis</i> ), yang dikenali sebagai susu getah. Susu getah mengandungi partikel getah yang terampai di dalam serum. Komposisi utama susu getah terdiri daripada partikel getah (30 - 40% KGK) serta serum yang mengandungi air, protein, lipid, karbohidrat, bahan berdarah, dan bahan bukan organik.
Getah Kepingan (Ribbed Smoked Sheet/ RSS), Unsmoked Sheet/USS ), Air Dried Sheet/ ADS atau campuran)	Getah Kepingan adalah getah asli yang dihasilkan dengan menggumpal lateks getah asli, diikuti dengan proses penghasilan lembaran getah beku yang kemudiannya melalui proses pengeluaran air menggunakan mesin giling berbunga atau tidak berbunga dan dikeringkan sama ada secara diasap (Ribbed Smoked Sheet/ RSS) atau tidak diasap (Unsmoked Sheet/USS ).
Getah Mutu Malaysia / <i>Standard Malaysian Rubber</i> (SMR)	SMR ialah gred khusus getah asli bongkah Malaysia yang memenuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan di bawah Skim SMR sebagai jaminan kualiti.
Kandungan Getah Kering (KGK)	Kandungan Getah Kering (KGK) atau dalam Bahasa Inggeris, <i>Dry Rubber Content</i> (DRC) adalah peratusan sebenar kandungan getah dalam susu getah atau getah bekuan ladang, selepas semua kandungan air dan bahan bukan getah dibuang.





**TANAMAN KENAF & TEMBAKAU**

ISTILAH	DEFINISI
Kenaf	Nama saintifiknya <i>hibiscus cannabinus L.</i> ialah sejenis tanaman jangka pendek musim panas yang berserat, bukan berkayu dan berasal dari Afrika.
Serat/ fiber	Serat semula jadi yang diperolehi daripada kulit batang pokok kenaf.
Core	Bahagian teras batang tumbuhan kenaf yang merupakan bahagian dalam batang.
Bast	Merujuk kepada serat dari kulit luar batang tumbuhan kenaf.
Kultivar	Merujuk kepada varieti atau jenis spesifik tanaman kenaf yang telah dibangunkan melalui proses pemilihan atau pembiakbakaan untuk memenuhi keperluan tertentu dalam industri pertanian dan pembuatan.
Foraj	Tanaman kenaf yang digunakan sebagai makanan ternakan
Lignin	Bahan semula jadi yang terdapat dalam batang pokok tumbuhan kenaf, yang berfungsi untuk menguatkan batang pokok kenaf.
Proses <i>Retting</i>	Proses merendam batang kenaf untuk melonggarkan dan memisahkan serat dari bahagian batang yang lain, seperti kulit dan teras (core)
Mikroorganisma	Bakteria, kulat (fungi) atau protozoa menyerang atau menjangkiti sesuatu bahan atau organisma dan menyebabkan perubahan, kerosakan atau pereputan.
<i>Nectar</i>	Bahan semula jadi yang dihasilkan oleh kebanyakan tumbuhan berbunga yang mengandungi gula, terutamanya sukrosa, glukosa dan fruktosa. Nektar kenaf merujuk kepada cecair manis yang dihasilkan oleh bunga kenaf biasanya untuk menarik serangga pendebunga seperti lebah.

**TANAMAN KOKO**

ISTILAH	DEFINISI
Tanaman sampingan	Tanaman yang ditanam bersama tanaman utama dalam satu kawasan pertanian, sama ada untuk tujuan sokongan ekonomi, meningkatkan kepelbagaian hasil, atau mengoptimalkan penggunaan tanah. Tanaman ini bukan tanaman utama di sesebuah ladang atau kebun, tetapi boleh memberikan hasil tambahan dari segi pendapatan, nutrien tanah, atau perlindungan ekologi.

**TANAMAN LADA**

ISTILAH	DEFINISI
Pekebun kecil	Individu atau isi rumah yang menjalankan aktiviti penanaman lada. Mengusahakan ladang lada berkeluasan kurang daripada 2.5 hektar (atau 6 ekar), meskipun keluasan sebenar boleh berbeza mengikut definisi agensi. Menjalankan aktiviti penanaman secara tradisional atau semi-komersial. Bergantung kepada pendapatan hasil lada sebagai sumber ekonomi utama atau sampingan.

**SUBSEKTOR: TERNAKAN**

ISTILAH	DEFINISI
Ternakan	Haiwan yang ditenak untuk tujuan pengeluaran daging, susu, telur, bulu dan kulit. Ternakan melibatkan amalan pembiakan, pemeliharaan dan penjagaan kesihatan haiwan bagi memastikan produktiviti dan kesejahteraan haiwan terjamin.
Penternak	Individu atau entiti yang menjalankan aktiviti penternakan.
Sistem Penternakan	Kaedah penternakan seperti intensif (dalam kandang), separa intensif, dan ekstensif (meragut bebas).
Makanan Ternakan	Bahan yang diberi kepada haiwan termasuk rumput, dedak, silaj dan suplemen nutrien.
Keluaran Ternakan	Produk seperti daging, susu dan telur yang diperolehi daripada haiwan ternakan.

**SUBSEKTOR: AKUAKULTUR**

ISTILAH	DEFINISI
Akuakultur	Aktiviti pembiakan dan pemeliharaan hidupan akuatik seperti ikan, udang dan kerang dalam persekitaran terkawal.
Kolam Ternakan	Struktur atau kawasan air seperti kolam tanah atau tangki yang digunakan untuk penternakan hidupan akuatik.
Sistem Tertutup	Sistem pengurusan air akuakultur yang terkawal sepenuhnya seperti sistem resirkulasi (RAS).
Benih Ikan	Ikan muda yang digunakan untuk ditenak dalam sistem akuakultur.
Makanan Akuakultur	Bahan makanan yang digunakan untuk memberi nutrisi kepada hidupan akuatik yang ditenak.
Hasil Akuakultur	Jumlah pengeluaran hasil akuakultur dalam satu musim atau tahun.

**SUBSEKTOR: PERIKANAN TANGKAPAN**

ISTILAH	DEFINISI
Perikanan Tangkapan	Aktiviti menangkap ikan dan hasil laut dari perairan semula jadi.
Nelayan	Orang yang terlibat dalam penangkapan ikan di laut, sungai atau tasik.
Bot Perikanan	Bot yang digunakan untuk menangkap ikan, diklasifikasikan mengikut saiz dan jenis operasi.
Alat Tangkapan	Peralatan yang digunakan seperti pukot, rawai, jaring dan pancing.



ISTILAH	DEFINISI
Pendaratan Ikan	Proses membawa hasil tangkapan ke darat untuk dijual atau diproses.
Zon Perikanan	Kawasan laut yang ditetapkan untuk aktiviti perikanan seperti Zon A hingga Zon C.
Zon A	Zon A merangkumi kawasan perairan satu hingga lapan batu nautika dari pantai dan diperuntukkan kepada nelayan kecil yang menggunakan sampan atau bot kecil serta peralatan tradisional seperti pukat hanyut dan bubu.
Zon B	Zon B meliputi kawasan antara lapan hingga 15 batu nautika, di mana nelayan komersial berskala kecil beroperasi dengan bot berkapasiti sederhana yang sering menggunakan pukat tunda.
Zon C	Zon C mencakupi perairan antara 15 batu nautika hingga sempadan zon ekonomi eksklusif (ZEE merupakan suatu Kawasan laut yang jaraknya 200 batu nautika dari garis pantai sesebuah negara).
Zon Perikanan	Kawasan laut yang ditetapkan untuk aktiviti perikanan seperti Zon A hingga Zon C.

**SUBSEKTOR: PERHUTANAN & PEMBALAKAN**

ISTILAH	DEFINISI
Hutan simpanan kekal	Menurut Seksyen 2, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313), Hutan Simpanan Kekal (HSK) ertinya mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan HSK di bawah Akta ini. Kawasan tersebut ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan semua hasil hutan dalam kawasan ini adalah milik Kerajaan Negeri.
Hutan tanah bermilik (milikan swasta)	Hutan tanah milikan swasta adalah hutan yang dimiliki oleh individu, syarikat, atau entiti swasta lain. Ini bermaksud bahawa sebidang tanah yang ditutupi oleh hutan tersebut adalah milik peribadi dan bukan milik kerajaan atau masyarakat umum. Hutan tanah milikan swasta boleh diurus dan dimanfaatkan mengikut kepentingan pemiliknya yang mungkin merangkumi eksploitasi kayu, pengeluaran bahan bukan kayu, pemuliharaan atau matlamat lain.
Hutan tanah kerajaan	Hutan tanah kerajaan menurut seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965) ialah semua tanah di dalam negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai laut, seperti yang termasuk di dalam wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah) selain daripada: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Tanah bermilik;</li> <li>b. Tanah rizab;</li> <li>c. Tanah lombong; dan</li> <li>d. Mana-mana tanah yang di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan hutan (sama ada diluluskan sebelum atau permulaan Akta ini), pada masa itu adalah hutan simpanan.</li> </ol>

ISTILAH	DEFINISI
Hasil Utama Hutan	Hasil hutan yang dinyatakan dalam Bahagian A Jadual Kedua Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu hasil hutan utama hendaklah terdiri daripada yang berikut: (a) Kayu bulat; (b) Kayu jaras; (c) Kayu api; (d) Arang; dan (e) Semua jenis rotan.
Hasil Kecil Hutan	Hasil hutan yang dinyatakan dalam Bahagian B Jadual Kedua Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu hasil hutan kecil hendaklah terdiri daripada hasil hutan lain yang tidak termasuk sebagai hasil utama hutan.
Hasil Hutan Bukan Kayu	Semua produk hutan kecuali kayu-kayan, termasuk bahan-bahan lain yang diperolehi daripada pokok seperti resin dan daun serta produk-produk lain daripada tumbuhan dan haiwan.
Kayu Balak	Pokok besar yang ditebang untuk diproses menjadi kayu gergaji atau produk lain.
Kayu Jaras	Mana-mana bahagian yang dipotong daripada pokok dan mempunyai diameter kurang daripada 30cm pada sebelah hujungnya yang besar.
Kayu Keras Berat	Kayu yang berat dan mempunyai ketumpatan melebihi 880kg/m <sup>3</sup> .
Kayu Keras Sederhana	Kayu yang sederhana berat ke berat dan mempunyai ketumpatan melebihi 720kg/m <sup>3</sup> ke 880kg/m <sup>3</sup> .
Kayu Keras Ringan	Kayu dalam kumpulan ini adalah lebih ringan dan termasuk kayu yang ketumpatan kurang daripada 720kg/m <sup>3</sup> .
Ladang hutan kekal	Kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuh-tumbuhan hutan, sama ada daripada spesies tempatan atau dagang, dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50 hektar.
Penanaman Semula Hutan	Usaha menanam semula pokok selepas aktiviti pembalakan untuk memastikan kelestarian hutan.
Pembalakan	Penebangan pokok bagi mendapatkan kayu balak untuk kegunaan industri.
Perhutanan	Pengurusan dan pemuliharaan hutan untuk pengeluaran kayu dan hasil hutan bukan kayu.
Silvikultur	Cara penghasilan dan penjagaan hutan melalui manipulasi penubuhan, komposisi dan pertumbuhan hutan untuk memenuhi objektif pemilik hutan tersebut. Ianya boleh merangkumi atau tidak merangkumi pengeluaran kayu-kayan.

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

**PENERBITAN INI BOLEH JUGA DIPEROLEH DI JABATAN PERANGKAAAN NEGERI SEPERTI BERIKUT:**

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor,  
Tingkat 14, Menara Tabung Haji,  
Jalan Air Molek,  
80000 Johor Bahru, Johor.  
Tel : 07 - 225 3700  
Faks : 07 - 224 9972  
E-mel : jpjohor@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak,  
Tingkat 3, Blok A, Bangunan Persekutuan Ipoh,  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown)  
30450 Ipoh, Perak.  
Tel : 05 - 255 4963  
Faks : 05 - 255 1073  
E-mel : jpperak@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah,  
Aras 1, Zon C, Wisma Persekutuan,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
Bandar Muadzam Shah,  
06550 Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.  
Tel : 04 - 700 1240  
Faks : 04 - 733 8412  
E-mel : jpkedah@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis,  
Tingkat 1, Bangunan Perodua Kangar,  
No. 2, Persiaran Jubli Perak,  
01000 Kangar,  
Perlis.  
Tel : 04 - 976 7381  
Faks : 04 - 976 8950  
E-mel : jpperlis@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan,  
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan,  
Jalan Bayam,  
15514 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 09 - 7419449  
Faks : 09 - 7482142  
E-mel : jpkelantan@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor,  
Tingkat 9, Bangunan Darul Ehsan,  
Jalan Indah, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor.  
Tel : 03 - 5515 0200  
Faks : 03 - 5518 0408  
E-mel : jpselangor@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka,  
Aras 7 & 8, Wisma Persekutuan,  
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,  
75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel : 06 - 252 2725  
Faks : 06 - 252 2711  
E-mel : jpmelaka@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu,  
Tingkat 9, Wisma Persekutuan,  
Jalan Sultan Ismail,  
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.  
Tel : 09 - 622 3062  
Faks : 09 - 622 9659  
E-mel : jpterengganu@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan,  
Tingkat 12, Wisma Persekutuan,  
Jalan Dato' Abdul Kadir,  
70000 Seremban, Negeri Sembilan.  
Tel : 06 - 765 5000  
Faks : 06 - 765 5002  
E-mel : jpnsembilan@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah,  
Tingkat 1-3, Blok C, Kompleks Pentadbiran  
Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS,  
Beg Berkunci No. 2046, 88999 Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel : 088 - 484 602  
Faks : 088 - 484 659  
E-mel : jpsabah@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang,  
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan,  
Jalan Gambut,  
25000 Kuantan, Pahang.  
Tel : 09 - 516 3931/7  
Faks : 09 - 514 4636  
E-mel : jppahang@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak,  
Tingkat 7 & 8, Bangunan Tun Datuk Patinggi  
Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang Tiga,  
93514 Kuching, Sarawak.  
Tel : 082 - 240 287  
Faks : 082 - 242 609  
E-mel : jpsarawak@stats.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau Pinang,  
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,  
10400, Jalan Anson,  
Pulau Pinang.  
Tel : 04 - 226 6244  
Faks : 04 - 229 9499  
E-mel : jpppinang@stats.gov.my


Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Wilayah Persekutuan,  
Tingkat 14 & 15, Wisma Sime Darby,  
Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.  
Tel : 03 - 2267 2400  
Faks : 03 - 2274 5075  
E-mel : jpwpk@stats.gov.my

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



# BANI 2024 PERTANIAN

KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN





ISBN 978-967-253-897-4



9 789672 538974



@StatsMalaysia



20 October



2016 - 2030